




KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK



MODUL KENYALANG CEMERLANG SPM 2023

PRINSIP AKAUN SEKTOR PEMBELAJARAN



Stock issued	208
Stock repurchased	(1,042)
Stock cash dividends paid	(1,683)
Issued in financing	(2,513)

and equipment (498)

es, net of

urchases of

ts (8,627)

(10,047)


6,061

7,835

(292)

(5,568)

\$ 10,610



Tinta Bicara
Timbalan Pengarah
Sektor Pembelajaran



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK

Salam Sejahtera,
Salam Menjulung Pendidikan Negeri Sarawak
Salam Malaysia Madani
Fly Kenyalang Fly, Fly High

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah di atas terbitnya Modul Kenyalang Cemerlang SPM 2023 pada tahun ini. Sesungguhnya kerja buat yang dilaksanakan ini bukan hanya dari jabatan ini tetapi semua mereka yang terlibat khususnya guru-guru cemerlang, guru-guru pakar mata pelajaran dan guru-guru kanan mata pelajaran yang bertungkus lumus dalam memastikan Modul Kenyalang Cemerlang SPM 2023 ini disiapkan mengikut kualiti yang ditetapkan.

Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak telah mendapat maklum balas yang positif dari kalangan guru dan murid berkenaan Modul Kenyalang Cemerlang SPM 2022. Penggunaan modul tersebut sebagai instrumen persediaan sebelum murid menduduki SPM merupakan matlamat utama jabatan untuk meningkatkan kemajuan murid dan seterusnya meningkatkan peratusan layak sijil SPM yang telah meningkat pada tahun 2021 daripada 88.29% kepada 91.22% pada tahun 2022.

Saya percaya dengan terbitnya modul ini guru-guru dan murid-murid terutamanya calon SPM tahun 2023 dapat memanfaatkan modul ini sebagai modul rujukan dalam menjawab SPM nanti. Jabatan ini juga berharap Modul Kenyalang Cemerlang SPM dapat dikongsi bersama-sama dalam kalangan panitia mata pelajaran di seluruh negara khususnya dalam memahami teknik menjawab soalan pelbagai aras yang dikemukakan. Sebaiknya modul ini dapat dikongsi bersama bagi memastikan modul ini sentiasa meniti dari bibir ke bibir guru-guru di seluruh Malaysia.

Tahniah kepada para pegawai di Sektor Pembelajaran yang sama-sama menyelaras bagi memastikan modul ini dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Saya berharap dengan usaha gigih ini akan membuahkan hasil yang lebih baik lagi dalam kita menghitung hari menjelang SPM 2023 nanti.

**Selamat Maju Jaya,
Tingkatkan Prestasi untuk Pendidikan yang
Berkualiti**

Fly Kenyalang Fly, Fly High

Dr. LES ANAK MET
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak



Pengenalan

Modul Kenyalang Cemerlang SPM 2023 ini merupakan aktiviti pengisian bagi calon SPM membuat ulang kaji sebelum menjelang SPM 2023. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak mengambil inisiatif melalui modul pengajaran dan pembelajaran mengikut aras yang berfokus kepada kemahiran, bidang atau topik mengikut mata pelajaran bagi membantu calon SPM menghadapi peperiksaan SPM. Sampel Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) dan sampel item soalan serta format pentaksiran peperiksaan SPM juga disediakan sebagai panduan guru-guru dalam penyediaan soalan di sekolah. Modul Prinsip Perakaunan ini mengandungi 3 set soalan kertas 1 dan kertas 2 yang terdiri daripada aras rendah, sederhana dan tinggi. Kaedah pentaksiran untuk kertas 1 adalah berbentuk objektif manakala bagi kertas 2 adalah secara analitik dan rubrik.

ISI KANDUNGAN

Bil.	Tajuk	Muka Surat
1	Pengenalan	2
2	Jawatankuasa Pembinaan	4
3	Kandungan Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan	5
4	Jadual Konstruk	6
5	Sampel Item Soalan ikut Konstruk	7 - 26
6	Sampel Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)	27 - 31
7	Format Pentaksiran Peperiksaan	32
8	Modul Aras Rendah	33 - 50
9	Peraturan Pemarkahan Aras Rendah	51 - 59
10	Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) Aras Rendah	60 - 65
11	Modul Aras Sederhana	66 - 89
12	Peraturan Pemarkahan Aras Sederhana	90 - 98
13	Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) Aras Sederhana	99 - 104
14	Modul Aras Tinggi	105 - 132
15	Peraturan Pemarkahan Aras Tinggi	133 - 141
16	Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) Aras Tinggi	142 - 147

**JAWATANKUASA PEMBINAAN
MODUL KENYALANG CEMERLANG
MATA PELAJARAN PRINSIP PERAKAUNAN NEGERI SARAWAK**

Penyelaras: Stalin Juan Anak Thomas
(Unit Sains Sosial, Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak)

Ketua Panel: Hii Lu Lung
(SMK Chung Hua, Sibul)

Penolong Ketua Panel: Tiong Lang Hiong
(SMK Kampung Nangka, Sibul)

Halifah Binti Matadi (SMK Tunku Abdul Rahman, Kuching)	Kho Tat Min (SMK Bandar Bintulu, Bintulu)
--	---

Law Siew Hie (SMK Tung Hua, Sibul)	Liaw Hock Jin (SMK Trusan, Lawas)
--	---

Maliha Binti Luie (MRSM Kuching)	Marie Wong (SMK Chung Hua (CF), Miri)
--	---

Muhamad Ezzul Bin Esa (MRSM Mukah)	Robert Anak Pinol (SMK Tebedu, Serian)
--	--

Sia Sze Hung (SMK ST Elizabeth, Sibul)	Siti Sufia Bt Saibi (SMK Bakong, Miri)
--	--

Ting Hock Leong (SMK Kai Chung, Meradong)	Ting Sing Kiu (SMK Sacred Heart, Sibul)
---	---

KANDUNGAN MATA PELAJARAN PRINSIP PERAKAUNAN

TINGKATAN 4

MODUL	TAJUK
1	Pengenalan kepada Perakaunan
2	Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan
3	Dokumen Perniagaan sebagai Sumber Maklumat
4	Buku Catatan Pertama
5	Lejar
6	Imbangan Duga
7	Penyata Kewangan Milikan Tunggal tanpa Pelarasan
8	Pelarasan Pada Tarikh Imbangan dan Penyediaan Penyata Kewangan Milikan Tunggal
9	Pembetulan Kesilapan

TINGKATAN 5

MODUL	TAJUK
1	Analisis dan Tafsiran Penyata Kewangan untuk Membuat Keputusan
2	Rekod Tak Lengkap
3	Perakaunan untuk Kawalan Dalaman
4	Perakaunan untuk Perkongsian
5	Perakaunan untuk Syarikat Berhad Menurut Syer
6	Perakaunan untuk Kelab dan Persatuan
7	Perakaunan Kos

JADUAL KONSTRUK

KONSTRUK	KETERANGAN
P01	Pengetahuan tentang Terminalogi
P02	Pengetahuan tentang Fakta
P03	Pengetahuan tentang Konvensyen
P04	Pengetahuan tentang Aliran dan Urutan
P05	Pengetahuan tentang Pengelasan dan Pengkategorian
P06	Pengetahuan tentang Kriteria
P07	Pengetahuan tentang Metodologi
P08	Pengetahuan tentang Prinsip dan Generalisasi
P09	Pengetahuan tentang Teori dan Struktur
C01	Kefahaman
A01	Aplikasi
N01	Analisis
V01	Penilaian
T01	Sintesis

SAMPEL ITEM SOALAN IKUT KONSTRUK

Mata Pelajaran: Prinsip Perakaunan

Kod Mata Pelajaran: 3756

Konstruk	Konteks	Aras Kesukaran	Kunci	Pembina
P01	8.3.1	R	C	Hii Lu Lung

SP Menerangkan maksud Hutang Lapuk, Hutang Lapuk Terpulih dan Peruntukan Hutang Ragu.

Apakah yang dimaksudkan dengan peruntukan hutang ragu?

- A Hutang lapuk dihapuskan
- B Hutang yang akan dikutip
- C Hutang yang dianggarkan tidak dapat dikutip
- D Hutang yang dikutip semula setelah dihapuskan

Konstruk	Konteks	Aras Kesukaran	Kunci	Pembina
P02	11.1.1	R	B	Siaw Huong Yiang

SP Menerangkan sebab rekod perniagaan tidak lengkap

Manakah situasi di bawah akan menyebabkan berlakunya rekod tak lengkap dalam sesebuah perniagaan?

- A Tiada kawalan tunai dalam perniagaan
- B Buku-buku akaun telah tercicir atau musnah
- C Jumlah imbalan duga tidak dihitung dengan tepat
- D Peniaga tidak merancang perbelanjaan dengan baik

Konstruk	Konteks	Aras Kesukaran	Kunci	Pembina
P03	8.2.5	Rendah	B	Marie Wong

SP Merekod item Belum Terperoleh, Belum Terima, Prabayar dan Belum Bayar ke dalam Penyata Kedudukan Kewangan


Pasangan manakah yang betul pengelasan aset dan liabiliti bagi kadar bayaran?

	Aset	Liabiliti
A	Belum terima	Belum terperoleh
B	Prabayar	Belum bayar
C	Belum terperoleh	Prabayar
D	Belum bayar	Belum terima

Konstruk	Konteks	Aras Kesukaran	Kunci	Pembina
P04	1.1.4	S	C	Hanizah Sulaiman

SP Melakar Kitaran Perakaunan

Rajah 1 menunjukkan Kitaran Perakaunan.



Apakah susunan yang betul bagi kitaran tersebut?

- A Dokumen Sumber - Lejar - Buku Catatan Pertama - Penyata Kewangan - Pelarasan
- B Buku Catatan Pertama - Dokumen Sumber - Lejar - Pelarasan - Penyata Kewangan
- C Dokumen Sumber - Buku Catatan Pertama - Lejar - Pelarasan - Penyata Kewangan
- D Buku Catatan Pertama - Lejar - Pelarasan - Penyata Kewangan - Dokumen Sumber

Konstruk	Konteks	Aras Kesukaran	Kunci	Pembina
P05	12.3.4	R	B	Maliha Luie

SP Mengenal pasti butiran penerimaan dan pembayaran

Antara berikut, yang manakah butiran penerimaan dalam Belanjawan Tunai?

- I Modal
 - II Belian
 - III Akaun Belum Bayar
 - IV Akaun Belum Terima
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Konstruk	Konteks	Aras Kesukaran	Kunci	Pembina
P06	1.5.1	R	B	Muhamad Ezzul Bin Esa

SP Menyenaikan ciri-ciri perniagaan Milikan Tunggal, Perkongsian, Syarikat Berhad dan Koperasi

Petikan perbualan dibawah terjadi di dalam kelas semasa perbincangan bertajuk ‘Pekerjaan Bapa Saya’.

Ahmad : David, saya dengar bapa kamu seorang jurutera. Betul ke?

David : Ya Ahmad, bapa saya seorang jurutera di sebuah entiti perniagaan. Perniagaan tersebut dimiliki oleh ayah saya dan 2 lagi pakcik saya. Keuntungan perniagaan tersebut akan diagihkan dalam bentuk dividen kepada pemilik. Tanggungan liabiliti perniagaan ini terhad kepada modal yang disumbangkan oleh ayah dan pakcik saya sahaja.

Ahmad : Wah, banyak betul kamu tahu tentang perniagaan ayah kamu ya.

David : Mestilah, sebab suatu hari nanti saya yang akan memiliki perniagaan tersebut juga.

Berdasarkan petikan dialog di atas, apakah nama perniagaan yang sesuai dengan perniagaan ayah dan pakcik David?

- A Bina Utama Enterprise
- B Exact Engineering Sdn Bhd
- C Koperasi Angkatan Bina Bhd
- D Amal Platinum Resource Bhd

Konstruk	Konteks	Aras Kesukaran	Kunci	Pembina
P07	13.3.1(i)	S	T	Muhamad Ezzul Bin Esa

SP Menyediakan Akaun Modal menggunakan Kaedah Modal Berubah

Rachel dan Sheena ialah pekongsi dalam Perkongsian Rich & Shine yang menjalankan perniagaan di Pahang. Baki berikut diperolehi daripada rekod perakaunan pada 30 Jun 2023.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2023

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Modal pada 1 Julai 2022		
Rachel		90 000
Sheena		60 000
Inventori pada 1 Julai 2022	11 500	
Premis	92 400	
Bank	9 030	
Perabot	59 800	
Kenderaan	80 000	
Susut nilai terkumpul:		
Perabot		17 940
Kenderaan		16 000
Untung Bersih		38 980
Gaji Sheena	3 500	
Akaun Belum Bayar		6 200
Akaun Belum Terima	6 840	
Ambilan		
Rachel (1 Julai 2022)	3 900	
Sheena (1 Oktober 2022)	3 600	
Pinjaman Bank 6.5%		35 000
Pinjaman Rachel (1 April 2023)		6 000
Peruntukan hutang ragu		450
	<u>270 570</u>	<u>270 570</u>

Maklumat tambahan pada 30 Jun 2023:

Ikatan Perjanjian Perkongsian menyatakan syarat berikut:

- Faedah atas ambilan dikenakan 5% setahun
- Faedah atas modal dibayar 6% setahun
- Faedah atas pinjaman dibayar 7% setahun
- Gaji tahunan Rachel dan Sheena masing-masing RM9 000 dan RM6 000
- Untung atau rugi dibahagi kepada pekongsi mengikut nisbah modal masing-masing

Anda dikehendaki menyediakan:

Akaun Modal pekongsi menggunakan kaedah berubah (bentuk beruangan)

[7 markah]

Peraturan Pemarkahan:

Akaun Modal

Tarikh	Butir	Rachel	Sheena		Tarikh	Butir	Rachel	Sheena	
2022		RM	RM		2022		RM	RM	
Jul 1	Ambilan	3 900		1m	Jul 1	Baki b/b	90 000	60 000	
Okt 1	Ambilan		3 600		2023				
2023					Jun 30	Gaji	9 000	2 500	1fb
Jun 30	Faedah atas ambilan	195	135	1fb		Faedah atas pinjaman	105		1m
	Baki h/b	109 596	68 489			Faedah atas modal	5 400	3 600	1fb
						Pengasingan Untung Rugi	9 186	6 124	1fb
		113 691	72 224				113 691	72 224	
					Jul 1	Baki b/b	109 596	68 489	1fb

Konstruk	Konteks	Aras Kesukaran	Kunci	Pembina
P08	11.2.4	S	S	Maliha Luie

SP Menghasilkan Penyata Mengira Modal Awal dan Modal Akhir

Puan Awlya adalah pemilik Awlya Bakery yang beroperasi di Kuching, Sarawak. Beliau tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Berikut adalah maklumat aset dan liabiliti perniagaan tersebut.

	1 April 2022	31 Mac 2023
	RM	RM
Lengkapan	21 000	21 000
Kenderaan	40 000	?
Akaun Belum Terima	12 000	24 800
Akaun Belum Bayar	7 400	10 670
Inventori	9 450	12 980
Bank	23 600	30 100
Tunai	1 760	1 310
Kadar Bayaran Belum Bayar	350	500

Maklumat Tambahan:

- i. Pada 1 Jun 2022, pemilik telah membawa masuk sebuah van milik peribadinya bernilai RM15 000 ke dalam perniagaan.
- ii. Peruntukan hutang ragu diselaraskan sebanyak 5% atas Akaun Belum Terima.
- iii. Polisi susut nilai:
 - Lengkapan 10% setahun atas kos
 - Kenderaan 20% setahun atas kos
- iv. Insurans kedai RM1 200 dibayar untuk tempoh setahun berakhir 30 Jun 2023.
- v. Gaji pekerja untuk bulan Mac 2023 sebanyak RM1 500 belum dibayar.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Mengira Modal pada 1 April 2022. [3 markah]
- (b) Penyata Mengira Modal pada 31 Mac 2023. [7 markah]

Peraturan Pemarkahan:**Penyata Mengira Modal pada 1 April 2022**

	RM	RM	
<u>Aset</u>			
Lengkapan		21 000	} 1m
Kenderaan		40 000	
Akaun Belum Terima		12 000	
Inventori		9 450	
Bank		23 600	
Tunai		1 760	
		<hr/> 107 810	
<u>Tolak: Liabiliti</u>			
Akaun Belum Bayar	7 400		} 1m
Kadar Bayaran Belum Bayar	350		
		<hr/> 7 750	
Modal pada 1 April 2022		<hr/> <hr/> 100 060	1of

Penyata Mengira Modal pada 31 Mac 2023

	RM	RM	
<u>Aset</u>			
Lengkapan (21 000 – 2 100)		18 900	1m
Kenderaan (40 000 + 15 000 – 10 500)		44 500	1+1of
Akaun Belum Terima (24 800 – 1 240)		23 560	1m
Inventori		12 980	
Insurans Prabayar (1 200 – 900)		300	1m
Bank		30 100	
Tunai		1 310	
		<hr/> 131 650	
<u>Tolak: Liabiliti</u>			
Akaun Belum Bayar	10 670		
Kadar Bayaran Belum Bayar	500		
Gaji Belum Bayar	1 500	1m	
		<hr/> 12 670	
Modal pada 31 Mac 2023		<hr/> <hr/> 118 980	1of

Konstruk	Konteks	Aras Kesukaran	Kunci	Pembina
P09	12.2.4	S	S	Hanizah Sulaiman

SP Menghasilkan Penyata Penyesuaian Bank tanpa mengemas kini Buku Tunai

Buku Tunai Corina Trading menunjukkan baki yang berbeza dengan Penyata Bank pada 31 Mei 2023. Berikut ialah Buku Tunai dan Penyata Bank pada tarikh tersebut.

Buku Tunai

Tarikh 2023	Perkara	Bank RM	Tarikh 2023	No. Cek	Perkara	Bank RM
Mei 1	Baki b/b	7 350	Mei 2	101183	Sewa	850
3	Jualan	2 550	4	101184	Baiki kenderaan	500
5	Anding Bhd.	870	6	101185	Komisen	590
8	Farah	1 450	10	101186	Angkutan masuk	220
25	Bob Bhd.	2 530	24	101187	Fitri & Co.	2 477
28	Perniagaan Adam	1 770	27	101188	Mas Sdn Bhd	5 633
29	Peruncit Zahid	2 430	29	101189	Sarawak Energy	120
30	Jerry	499	31	101190	Syarikat Linda	8 700
				101191	Boh Trading	240
					Baki h/b	119
		19 449				19 449

**Bank NZA Bhd : Penyata Bank untuk Corina Trading**

Tarikh 2023	Perkara	Cek	Debit (RM)	Kredit (RM)	Baki (RM)
Mei 1	Baki				8 150
5	Cek	101183	850		7 300
10	Cek	101184	500		6 800
11	Deposit			2 550	9 350
	Deposit			870	10 220
12	Cek	101182	800		9 420
	Buku Cek		15		9 405
14	Cek	101186	220		9 185
16	Deposit			1 450	10 635
28	Cek	101188	5 633		5 002
	Cek	101187	2 747		2 255
29	Deposit			1 770	4 025
30	Dividen Syarikat Jazmin			1 560	5 585
	Syarikat Teh (Pindahan kredit)			2 300	7 885
31	Deposit			2 430	10 315

- Berlaku kesilapan dalam Buku Tunai bagi cek bernombor 101187.
- Cek yang diterima daripada Jerry telah dipulangkan oleh bank dengan catatan Rujuk Penyuruh Bayar.

Anda dikehendaki :

- (a) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mei 2023 tanpa mengemas kini Buku Tunai.

[13 markah] A01, N01

- (b) Menyatakan 2 sebab berlakunya perbezaan baki di Buku Tunai dengan baki di Penyata Bank.

[2 markah] P09

Peraturan Pemarkahan:

Corina Trading

- (a) **Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mei 2023**

	RM	RM	
Baki Debit di Buku Tunai		119	1m + w
Tambah: Cek Belum Dikemukakan			
Komisen	590		1m
Sarawak Energy	120		1m
Syarikat Linda	8 700		1m
Boh Trading	240		1m
Dividen Syarikat Jazmin	1 560		1m
Syarikat Teh (Pindahan Kredit)	2 300		1m
		13 510	
		13 629	1m
Tolak: Deposit Belum Dikreditkan			
Bob Bhd	2 530		1m
Jerry (Cek Tak Layan)	499		1m
Buku Cek	15		1m
Fitri & Co. (Kesilapan)	270		1m
		(3 314)	
Baki Kredit di Penyata Bank		10 315	1m + w

[13 markah]

(b) Sebab perbezaan baki di Buku Tunai dengan baki di Penyata Bank

Cek belum dikemukakan	1m	} Mana-mana 2
Deposit belum dikreditkan	1m	
Kesilapan catatan di Buku Tunai	1m	
Cek tak layan	1m	
Pembayaran bank bagi pihak pelanggan:		
<i>Buku cek</i>	1m	
<i>Caj bank</i>	1m	
<i>Faedah atas overdraf</i>	1m	
<i>Perintah sedia ada</i>	1m	
Penerimaan bank bagi pihak pelanggan:		
<i>Faedah atas simpanan</i>	1m	
<i>Dividen</i>	1m	
<i>Pindahan kredit</i>	1m	

[2 markah]

Konstruk	Konteks	Aras Kesukaran	Kunci	Pembina
C01	10.1.1	T	S	Marie Wong

SP Menerangkan jenis nisbah dalam Analisis Penyata Kewangan

Kenal pasti jenis nisbah yang sesuai untuk pernyataan yang berikut.

	Pernyataan	Jenis nisbah
a.	Kadar ini boleh dibandingkan dengan kadar faedah yang dibayar oleh bank	
b.	Menunjukkan kecekapan operasi dalam pengurusan inventori	
c.	Semakin tinggi peratus, semakin berkesan pengawalan kos jualan	

Peraturan Pemarkahan:

	Pernyataan	Jenis nisbah	Markah
a.	Kadar ini boleh dibandingkan dengan kadar faedah yang dibayar oleh bank	Pulangan atas modal	2
b.	Menunjukkan kecekapan operasi dalam pengurusan inventori	Tokokan	2
c.	Semakin tinggi peratus, semakin berkesan pengawalan kos jualan	Kadar pusing ganti inventori	2

Konstruk	Konteks	Aras Kesukaran	Kunci	Pembina
A01	10.1.2 / 10.1.4	R	S	Siaw Huong Yiang

SP Mengira Nisbah Keberuntungan / Nisbah Kecekapan

Perniagaan Sunshine adalah sebuah perniagaan runcit. Berikut ialah maklumat kewangan perniagaan tersebut pada 30 Jun 2023:

	RM
Akaun Belum Bayar	14 320
Untung bersih	4 480
Akaun Belum Terima	4 560
Pinjaman bank	15 000
Kenderaan	55 000
Overdraf bank	3 788
Tunai	656
Inventori purata	15 000
Untung kasar	30 600
Sewa belum bayar	2 100
Jualan	128 600
Komisen belum terperoleh	305
Modal 1 Julai 2020	48 000
Perabot	756

Anda dikehendaki menghitung perkara-perkara berikut bagi Perniagaan Sunshine:

- (a) Kos jualan [2 markah]
- (b) Tokokan [2 markah]
- (c) Margin untung kasar [2 markah]
- (d) Kadar pusing ganti inventori [2 markah]
- (e) Pulangan atas modal [2 markah]

Peraturan Permarkahan:

(a) Kos Jualan = Jualan – Untung Kasar
= RM128 600 – RM30 600
= RM98 000

[2 markah]

(b) Tokokan = $\frac{\text{Untung kasar}}{\text{Kos Jualan}} \times 100$
= $\frac{\text{RM30 600}}{\text{RM98 000}} \times 100$
= 31.22 %

[2 markah]

(c) Margin Untung Kasar = $\frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Jualan}} \times 100$
= $\frac{\text{RM30 600}}{\text{RM128 600}} \times 100$
= 23.79%

[2 markah]

(d) Kadar Pusing Ganti Inventori = $\frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Inventori Purata}}$
= $\frac{\text{RM98 000}}{\text{RM15 000}}$
= 6.5 kali

[2 markah]

(e) Pulangan Atas Modal = $\frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Modal Awal}} \times 100$
= $\frac{\text{RM4 480}}{\text{RM48 000}} \times 100$
= 9.33 %

[2 markah]

Konstruk	Konteks	Aras Kesukaran	Kunci	Pembina
N01	10.1.3	R	C	Hii Lu Lung

SP Mengira dan mentafsir Nisbah Kecairan

Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Syarikat Lily.

Tahun	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
Aset Semasa	30 000	35 000	32 000	40 000
Liabiliti Semasa	20 000	25 000	20 000	33 000

Tahun manakah yang menunjukkan keupayaan Syarikat Lily membayar hutang jangka pendeknya yang baik?

- A 2020
- B 2021
- C 2022
- D 2023

Konstruk	Konteks	Aras Kesukaran	Kunci	Pembina
V01	8.4.9	S	S	Muhamad Ezzul Bin Esa

SP Menerangkan kesan penggunaan kaedah penentuan susut nilai yang berlainan terhadap Penyata Kewangan dengan menunjukkan contoh berkaitan

Berikut ialah petikan imbangan duga bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 Perniagaan Kenali.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2023 (Petikan)

	Debit	Kredit
	RM	RM
Kenderaan (1 Januari 2022)	80 000	
Susut Nilai Terkumpul Kenderaan		4 000

Maklumat Tambahan:

(a) Kadar susut nilai kenderaan adalah pada kadar 5 % setahun.

Anda dikehendaki:

(a) Menyediakan petikan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 dengan mengambil kira susut nilai kenderaan menggunakan kaedah:

(i) Kaedah atas kos [4 markah]

(ii) Kaedah baki berkurangan [4 markah]

(b) Apakah perbezaan kesan penggunaan kedua-dua kaedah penentuan susut nilai di atas terhadap Penyata Kedudukan Kewangan Perniagaan Kenali? [2 markah]

Peraturan Pemarkahan:

(a) (i)

Perniagaan Kenali

Penyata Kedudukan Kewangan 31 Disember 2023 (Petikan)

Aset Bukan Semasa	RM	
Kenderaan	80 000	1
<i>Tolak:</i> Susut Nilai Terkumpul Kenderaan	(8 000)	1 + 1of
	<hr/> 72 000	1of

[4 markah]

(a) (ii)

Perniagaan Kenali

Penyata Kedudukan Kewangan 31 Disember 2023 (Petikan)

Aset Bukan Semasa	RM	
Kenderaan	80 000	1
<i>Tolak:</i> Susut Nilai Terkumpul Kenderaan	(7 800)	1 + 1of
	<hr/> 72 200	1of

[4 markah]

(b) Kesan yang terjadi ke atas Penyata Kedudukan Kewangan Perniagaan Kenali ialah nilai buku Aset Bukan Semasa yang berbeza antara kedua-dua penggunaan kaedah susut nilai tersebut. Nilai buku Aset Bukan Semasa yang menggunakan kaedah atas kos lebih kecil berbanding nilai yang menggunakan kaedah baki berkurangan. [2 markah]

atau

Penolakan susut nilai terkumpul aset bukan semasa yang menggunakan kaedah atas kos lebih besar berbanding penolakan susut nilai terkumpul aset bukan semasa yang menggunakan kaedah baki berkurangan pada tahun kedua tempoh perakaunan peniagaan. [2 markah]

atau

Susut nilai kenderaan yang menggunakan kaedah atas kos akan sentiasa sama setiap tahun berbanding susut nilai kenderaan yang menggunakan kaedah baki berkurangan tidak sama setiap tahun dan akan berkurang dari tahun ke tahun.

[2 markah]

Konstruk	Konteks	Aras Kesukaran	Kunci	Pembina
T01	6.2.7	T	T	Hii Lu Lung

SP Merumuskan hubungan Imbangan Duga dan inventori akhir (sistem inventori berkala) dalam penyediaan Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan.

Maklumat berikut dipetik daripada Perniagaan Kedai Teresa pada 31 Julai 2023.

Jenis barang	Kuantiti	Harga Kos (RM)	Harga Pasaran (RM)
Air kotak – Sedap	30	14	13
Air kotak – Segar	50	16	18
Air kotak – Enak	40	12	15

Anda dikehendaki:

- (a) Menghitung nilai inventori akhir untuk Kedai Teresa.

[2 markah] A01, N01

- (b) Bandingkan hubungan antara nilai inventori, kos jualan dan untung kasar perniagaan Kedai Teresa sekiranya Puan Teresa membuat penilaian inventori berdasarkan nilai harga barang yang lebih tinggi.

[3 markah] T01

Peraturan Permarkahan:

- (a)
$$\text{Inventori akhir} = (30 \text{ unit} \times \text{RM}13) + (50 \text{ unit} \times \text{RM}16) + (40 \text{ unit} \times \text{RM}12)$$

$$= \text{RM}1\ 670$$

[2 markah]

- (b) Sekiranya penilaian inventori berdasarkan nilai harga barang yang lebih tinggi, nilai inventori akhir akan menjadi tinggi. Ini akan menyebabkan nilai kos jualan menjadi rendah manakala nilai untung kasar akan menjadi tinggi.

[3 markah]

SAMPEL JSU
JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)
MATA PELAJARAN: PRINSIP PERAKAUNAN

TAJUK / KONSTRUK	BAHAGIAN A									ARAS SOALAN	JUMLAH	JUMLAH MARKAH	BAHAGIAN B							
	PENGETAHUAN												KEMAHIRAN							
	P 0 1	P 0 2	P 0 3	P 0 4	P 0 5	P 0 6	P 0 7	P 0 8	P 0 9				C 0 1	A 0 1	N 0 1	V 0 1	T 0 1			
1	Pengenalan Kepada Perakaunan																			
1.1	Perakaunan, sub bidang perakaunan, kerjaya dan badan profesional									/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
1.2	Sejarah perakaunan dan perkembangannya									/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
1.3	Penyata Kewangan									/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
1.4	Andaian, Prinsip dan Batasan dalam perakaunan									/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
1.5	Entiti perniagaan									/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
2	Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan																			
2.1	Komponen Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan									/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
2.2	Item setiap komponen Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan									/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
2.3	Persamaan Perakaunan									/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
2.4	Catatan Kontra dan Carta Akaun									/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/

TAJUK / KONSTRUK	BAHAGIAN A									ARAS SOALAN	JUMLAH	JUMLAH MARKAH	BAHAGIAN B				
	PENGETAHUAN												KEMAHIRAN				
	P 0 1	P 0 2	P 0 3	P 0 4	P 0 5	P 0 6	P 0 7	P 0 8	P 0 9				C 0 1	A 0 1	N 0 1	V 0 1	T 0 1
3	Dokumen Perniagaan sebagai Sumber Maklumat																
	3.1	Dokumen Perniagaan	/	/		/	/										
	3.2	Dokumen Sumber		/	/								/	/			
	3.3	Dokumen Bukan Sumber	/	/													
4	Buku Catatan Pertama																
	4.1	Buku Catatan Pertama	/	/													
	4.2	Jurnal Am		/									/	/			
	4.3	Jurnal Khas		/				/									
	4.4	Buku Tunai		/									/	/			
	4.5	Buku Tunai Runcit		/									/				
5	Lejar																
	5.1	Lejar		/		/											
	5.2	Sistem Catatan Bergu	/	/		/							/	/	/		
	5.3	Akaun Kawalan	/	/									/	/	/		
6	Imbangan Duga																
	6.1	Imbangan Duga	/	/		/		/									
	6.2	Hubungan antara Imbangan Duga, Inventori Akhir dan Penyata Kewangan	/	/				/							/		

TAJUK / KONSTRUK	BAHAGIAN A									ARAS SOALAN	JUMLAH	JUMLAH MARKAH	BAHAGIAN B				
	PENGETAHUAN												KEMAHIRAN				
	P 0 1	P 0 2	P 0 3	P 0 4	P 0 5	P 0 6	P 0 7	P 0 8	P 0 9				C 0 1	A 0 1	N 0 1	V 0 1	T 0 1
7	Penyata Kewangan Milikan Tunggal Tanpa Pelarasan																
7.1	Akaun Perdagangan dan Untung Rugi (bentuk "T" dan format penyata)												/				
7.2	Penyata Kedudukan Kewangan												/				
7.3	Penutupan akaun hasil, akaun belanja dan akaun inventori pada akhir tempoh kewangan												/	/			
8	Pelarasan pada Tarikh Imbangan dan Penyediaan Penyata Kewangan Milikan Tunggal																
8.1	Perakaunan asas tunai dan asas akruan serta jenis-jenis pelarasan												/	/	/		
8.2	Pelarasan akaun nominal												/	/	/	/	
8.3	Hutang Lapuk, Hutang Lapuk Terpulih dan Peruntukan Hutang Ragu												/	/	/	/	
8.4	Susut Nilai dan Susut Nilai Berkumpul												/	/		/	
8.5	Pelupusan Aset Bukan Semasa secara tunai												/	/	/	/	
8.6	Imbangan Duga Terselaras												/				
8.7	Penyata Kewangan dengan pelarasan												/	/		/	

TAJUK / KONSTRUK	BAHAGIAN A									ARAS SOALAN	JUMLAH	JUMLAH MARKAH	BAHAGIAN B				
	PENGETAHUAN												KEMAHIRAN				
	P	P	P	P	P	P	P	P	P				C	A	N	V	T
0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0				
1	2	3	4	5	6	7	8	9	1	1	1	1	1				
9	Pembetulan Kesilapan																
9.1	Pembetulan Kesilapan	/	/										/	/	/		
9.2	Penyata Kewangan selepas pembetulan kesilapan													/	/		
10	Analisis dan Tafsiran Penyata Kewangan untuk Membuat Keputusan																
10.1	Analisis Penyata Kewangan dan Perbandingan Prestasi		/						/				/	/	/		
11	Rekod Tak Lengkap																
11.1	Pengenalan Rekod Tak Lengkap	/	/										/				
11.2	Kaedah Perbandingan		/		/			/					/	/	/		
11.3	Kaedah Analisis		/		/								/	/	/		
12	Perakaunan untuk Kawalan Dalaman																
12.1	Kawalan Tunai		/														
12.2	Penyata Penyesuaian Bank		/						/					/			
12.3	Belanjawan Tunai	/	/		/									/			
13	Perakaunan untuk Perkongsian																
13.1	Perniagaan Perkongsian	/	/			/											
13.2	Akaun Pengasingan Untung Rugi		/											/	/		
13.3	Ekuti Pemilik dan Penyata Kewangan Perkongsian							/						/	/		
13.4	Pembubaran Perkongsian			/										/	/		

TAJUK / KONSTRUK	BAHAGIAN A									ARAS SOALAN	JUMLAH	JUMLAH MARKAH	BAHAGIAN B				
	PENGETAHUAN												KEMAHIRAN				
	P 0 1	P 0 2	P 0 3	P 0 4	P 0 5	P 0 6	P 0 7	P 0 8	P 0 9				C 0 1	A 0 1	N 0 1	V 0 1	T 0 1
14	Perakaunan untuk Syarikat Berhad Menurut Syer																
14.1	Pengenalan kepada Syarikat Berhad Menurut Syer													/			
14.2	Jenis modal dan terbitan syer													/			
14.3	Ekuiti Pemilik Syarikat Berhad Menurut Syer													/			
14.4	Dividen tunai										/	/					
15	Perakaunan untuk Kelab dan Persatuan																
15.1	Kelab dan Persatuan										/	/		/	/		
15.2	Akaun Penerimaan dan Pembayaran											/		/			
15.3	Akaun Yuran Ahli										/			/	/		
15.4	Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan										/	/		/	/		
15.5	Penyata Kedudukan Kewangan Kelab dan Persatuan										/	/		/	/		
16	Perakaunan Kos																
16.1	Jenis kos dan Kerja Dalam Proses										/			/	/		
16.2	Akaun Pengeluaran											/		/	/		
16.3	Analisis Titik Pulang Modal										/			/	/		

**FORMAT PENTAKSIRAN PEPERIKSAAN
PRINSIP PERAKAUNAN (3756)**

Bil	Perkara	Kertas 1 (3756/1)	Kertas 2 (3756/2)	Kertas 3 (3756/3)
1	Jenis Instrumen	Ujian Objektif	Ujian Subjektif	Projek
2	Jenis Item	Aneka Pilihan	Respons Terhadap dan Struktur	Tugasan perakaunan
3	Bilangan Soalan	40 soalan (Wajib)	Bahagian A 3 soalan (Wajib) (60 markah) Bahagian B 3 soalan (Pilih 2) (40 markah)	Satu tugasan
4	Jumlah Markah	40	100	100
5	Tempoh Ujian	1 jam 15 minit	2 jam 30 minit	Tingkatan 5: (12 minggu)
6	Wajaran	20%	60%	20%
7	Konstruk	Mengingat dan memahami Kemahiran mengaplikasi	Mengingat dan memahami Kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta	Kemahiran ICT, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta, menyelesaikan masalah, membuat keputusan Nilai
8	Cakupan Konteks	Bidang pembelajaran Tingkatan 4 dan 5		
9	Aras Kesukaran	R : S : T 5 : 3 : 2		
10	Kaedah Penskoran	Dikotomus	Analitik	Rubrik penskoran
11	Alatan Tambahan	Kalkulator saintifik	Kalkulator saintifik	Kalkulator saintifik dan Peralatan ICT

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
PRINSIP PERAKAUNAN**

3756/1

Aras Rendah

Kertas 1

1¼ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.*
4. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

- 1 Pernyataan manakah benar tentang perakaunan?
- I Menganalisis dan mentafsirkan urus niaga perniagaan
 - II Merangkumi skop yang lebih luas daripada simpan kira
 - III Berfungsi sebagai bukti dan rujukan bagi urus niaga yang telah berlaku
 - IV Hanya melibatkan proses merekodkan urus niaga berdasarkan sistem catatan bergu
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 2 Apakah subbidang perakaunan yang melibatkan proses penyemakan rekod kewangan untuk memastikan sesuatu urus niaga benar-benar berlaku?
- A Percukaian
B Pengauditan
C Perakaunan kewangan
D Perakaunan pengurusan
- 3 Antara berikut, manakah merupakan komponen kos jualan?
- A Sewa dan jualan
B Belian dan angkutan masuk
C Insurans dan inventori awal
D Pulangan masuk dan kadar bayaran
- 4 Hutang perniagaan kepada pemilik perniagaan dikenali sebagai
- A Modal.
B Ambilan.
C Ekuiti pemilik.
D Pinjaman bercagar.
- 5 Antara berikut, yang manakah rumus yang betul bagi persamaan perakaunan?
- A $Aset = Liabiliti + Modal + Hasil + Belanja$
B $Aset = Liabiliti + Modal + Hasil - Belanja$
C $Aset = Liabiliti + Modal - Hasil + Belanja$
D $Aset = Liabiliti + Modal - Hasil - Belanja$

- 6 Antara yang berikut, dokumen manakah merupakan dokumen sumber?
- I Resit
 - II Nota serahan
 - III Pesanan belian
 - IV Makluman debit
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 7 Apakah tujuan pembekal menghantar Penyata Akaun kepada pelanggan?
- A Memaklumkan bahawa sejumlah amaun telah ditambah ke dalam akaunnya
 - B Menyenaraikan semua urusan niaga yang dibuat melalui bank
 - C Mengingatkan baki hutang yang perlu dijelaskan
 - D Merekod transaksi keluar dan masuk wang
- 8 Buku Catatan Pertama terdiri daripada
- I Lejar
 - II Jurnal
 - III Buku Tunai
 - IV Imbangan Duga
- A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV
- 9 Jurnal Pulangan Jualan di bawah diperolehi daripada Kedai Runcit Chua.

Jurnal Pulangan Jualan

Tarikh	Butir	Jumlah
2023		RM
Ogos 3	Pembekal Minuman Best	2 500
21	Syarikat Sinar Sdn Bhd	350
31	X	2 850

Apakah **X**?

- A Jumlah Jualan
- B Akaun Belum Terima
- C Akaun Pulangan Jualan
- D Jumlah Pulangan Jualan

- 10 Sistem panjar biasanya diamalkan dalam penyediaan
- A Buku Tunai
 - B Akaun Bank
 - C Penyata Bank
 - D Buku Tunai Runcit
- 11 Apakah fungsi lejar?
- A Merekodkan semua aset dan liabiliti bagi satu tempoh perakaunan
 - B Merekodkan hasil dan belanja untuk mengira keuntungan perniagaan
 - C Merekodkan penerimaan dan pembayaran tunai bagi satu tempoh perakaunan
 - D Merekodkan pelbagai jenis akaun yang digunakan untuk penyediaan Imbangan Duga
- 12 Akaun manakah yang mempunyai baki debit?
- A Akaun Modal
 - B Akaun Inventori
 - C Akaun Komisen Diterima
 - D Akaun Faedah atas Simpanan Tetap
- 13 Baki akaun manakah yang dicatatkan di sebelah kredit Imbangan Duga?
- A Promosi
 - B Pinjaman
 - C Hutang Lapuk
 - D Faedah atas pinjaman
- 14 Kerani akaun Dilla Bakery menyediakan Akaun Perdagangan apabila tamat tempoh kewangan kedainya. Apakah tujuan beliau berbuat demikian?
- A Untuk menghitung untung kasar
 - B Untuk menghitung untung bersih
 - C Untuk menghitung belanja operasi
 - D Untuk menghitung jumlah aset dan liabiliti

- 15 Butiran manakah yang dicatat dalam Penyata Kedudukan Kewangan?
- I Modal kerja
 - II Inventori awal
 - III Inventori akhir
 - IV Susut nilai aset bukan semasa
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV
- 16 Butiran manakah yang dikelaskan sebagai liabiliti semasa?
- A Deposit sewa
 - B Insurans prabayar
 - C Dividen belum terima
 - D Komisen belum terperoleh
- 17 Faedah simpanan tetap belum terima dicatatkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai....
- A Aset semasa
 - B Liabiliti semasa
 - C Aset bukan semasa
 - D Liabiliti bukan semasa
- 18 Pilih pasangan akaun dan baki yang betul.
- A Inventori akhir – baki kredit
 - B Gaji belum bayar – baki debit
 - C Insurans prabayar – baki debit
 - D Faedah belum terima – baki kredit
- 19 Apakah yang dimaksudkan hutang lapuk terpulih?
- A Hutang lapuk dihapuskan
 - B Hutang yang akan dikutip
 - C Hutang yang dianggarkan tidak dapat dikutip
 - D Hutang yang dikutip semula setelah dihapuskan

20 Kaedah peratus atas kos juga dikenal sebagai....

- A Kaedah baki berkurangan
- B Kaedah penilaian semula
- C Kaedah garis lurus
- D Kaedah pelupusan

21 Kesilapan berikut telah berlaku di Kedai Tim oleh kerani pejabat.

Belian daripada Encik Raymond sebanyak RM5 000 telah direkodkan ke dalam Akaun Encik Edmond.

Apakah jenis kesilapan di atas?

- A Kesilapan prinsip
- B Kesilapan komisen
- C Kesilapan songsang
- D Kesilapan ketinggalan

22 Antara yang berikut, manakah yang merupakan Nisbah Keberuntungan?

- A Nisbah semasa
- B Nisbah ujian asid
- C Margin untung kasar
- D Kadar pusing ganti inventori

23 Apakah nisbah yang mengukur kemampuan sesebuah perniagaan untuk membayar hutang jangka pendek?

- A Tokokan
- B Nisbah semasa
- C Nisbah ujian asid
- D Margin untung bersih

24 Antara yang berikut, pernyataan manakah yang **benar** mengenai rekod tak lengkap?

- A Rekod tak lengkap dikenal juga sebagai sistem catatan tunggal
- B Rekod tak lengkap memudahkan peniaga menentukan untung atau rugi perniagaan
- C Rekod tak lengkap merupakan cara perekodan maklumat perakaunan yang mengikut sistem catatan bergu
- D Rekod tak lengkap memudahkan peniaga membuat perbandingan prestasi perniagaan dengan tahun lepas

- 25 Rumus yang berikut digunakan untuk mengira untung atau rugi sesuatu perniagaan.

$$\text{Modal akhir} + \text{Ambilan} - Y - \text{Modal awal}$$

Apakah Y?

- A Ambilan
 - B Modal awal
 - C Modal kerja
 - D Modal tambahan
- 26 Antara yang berikut, manakah yang **bukan** tujuan Penyata Penyesuaian Bank disediakan?
- A Merekodkan baki Buku Tunai dan baki Penyata Bank
 - B Menyesuaikan baki Buku Tunai dan baki Penyata Bank
 - C Memastikan ketepatan dan kesahan rekod dalam Buku Tunai
 - D Mengenal pasti sebab perbezaan baki Buku Tunai dan baki Penyata Bank
- 27 Fungsi belanjawan tunai kepada seseorang peniaga adalah seperti yang berikut, **kecuali**...
- A Membantu peniaga mengawal perbelanjaan semasa
 - B Menunjukkan keadaan sebenar terhadap prestasi perniagaan
 - C Membantu peniaga merancang aliran masuk dan keluar tunai
 - D Menunjukkan kedudukan anggaran tunai pada masa hadapan
- 28 Cik Elaine Tang, pemilik Kedai Butik ET mendapati baki Buku Tunai kedainya pada 30 Jun 2023 berbeza dengan baki penyata bank pada tarikh yang sama.
- Mengapakah perkara ini berlaku?
- A Seorang pelanggan membayar hutang terus ke akaun semasanya
 - B Cik Elaine Tang mendebitkan faedah yang diterima di ruangan bank
 - C Penerimaan cek-cek daripada pelanggan telah dikreditkan oleh pihak bank
 - D Pembayaran menggunakan cek kepada pembekal yang telah didebitkan oleh pihak bank
- 29 Pernyataan manakah yang terdapat dalam Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961?
- A Untung atau Rugi dibahagi sama rata
 - B Setiap pekongsi berhak mendapat bonus
 - C Faedah dikenakan atas ambilan pekongsi
 - D Faedah atas pinjaman pekongsi sebanyak 6%

- 30 Butir manakah akan direkodkan dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi?
- A Ambilan
 - B Gaji pekerja
 - C Faedah atas modal
 - D Faedah atas pinjaman
- 31 Apakah kesan terhadap perniagaan jika salah seorang rakan kongsi muflis?
- A Perlu dibubarkan
 - B Boleh diambil alih oleh keluarga rakan kongsi
 - C Boleh diteruskan oleh rakan kongsi yang sedia ada
 - D Perlu menukar milikan perniagaan kepada milikan tunggal
- 32 Antara pernyataan berikut, yang manakah dapat menerangkan syarikat sendirian berhad?
- A Bilangan pemegang saham tidak boleh melebihi 50 orang.
 - B Saham syarikat sendirian berhad disenarikan di bursa saham.
 - C Saham syarikat sendirian berhad boleh dipindah milik secara bebas.
 - D Penyata Kewangan syarikat sendirian berhad perlu disiarkan di suratkhobar.
- 33 Apakah akta yang digunakan oleh syarikat berhad di Malaysia?
- A Akta Syarikat 1956
 - B Akta Syarikat 2016
 - C Akta Perkongsian 1961
 - D Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
- 34 Apakah bentuk keuntungan yang diperoleh Syarikat Champion Berhad apabila diagihkan kepada pemegang-pemegang syer?
- A Elaun
 - B Faedah
 - C Royalti
 - D Dividen
- 35 Pilih pernyataan yang benar tentang tujuan utama penubuhan kelab dan persatuan.
- A Merupakan sebuah entiti perniagaan
 - B Organisasi yang berorientasikan keuntungan
 - C Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kepada ahli
 - D Menghasilkan produk dan perkhidmatan untuk dijual pada harga tinggi

- 36 Manakah yang dicatatkan di bahagian penerimaan Akaun Penerimaan dan Pembayaran Kelab Tenis Kenyalang?
- A Insurans
 - B Sewa laci
 - C Honorarium
 - D Kadar bayaran
- 37 Apakah yang dimaksudkan dengan yuran belum terperoleh?
- A Yuran tahun semasa yang diterima
 - B Yuran tahun semasa yang belum diterima
 - C Yuran tahun hadapan yang belum diterima
 - D Yuran tahun hadapan yang diterima pada tahun semasa
- 38 Pernyataan manakah yang benar mengenai kos tetap?
- A Kos tetap sentiasa malar bagi satu tempoh tertentu
 - B Kos tetap sentiasa berubah bagi satu tempoh tertentu
 - C Kos tetap berkurang apabila output pengeluaran dikurangkan
 - D Kos tetap bertambah secara langsung dengan output pengeluaran
- 39 Manakah yang diperlukan untuk menghitung kos prima?
- A Sewa kilang
 - B Royalti kilang
 - C Alat-alat kecil
 - D Buruh tak langsung
- 40 Kilang Pakaian Fabric Sibn Sdn Bhd membayar gaji pengurus kilang sebanyak RM3 500 sebulan. Apakah perbelanjaan tersebut?
- A Kos buruh langsung
 - B Belanja langsung
 - C Kos overhead
 - D Kos prima

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
PRINSIP PERAKAUNAN**

3756/2

Aras Rendah

Kertas 2

2½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab semua soalan di **Bahagian A** dan dua soalan daripada **Bahagian B.***
3. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
4. **Tunjukkan kerja mengira.** *Ini membantu anda mendapatkan markah.*
5. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Bahagian A
[60 markah]
Jawab semua soalan.

- 1 (a) Nyatakan dua pengguna dalaman Penyata Kewangan. [2 markah]
- (b) Nyatakan dua dokumen bukan sumber. [2 markah]
- (c) Senaraikan dua sebab baki di Buku Tunai berbeza dengan baki di Penyata Bank. [2 markah]
- (d) Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perkongsian Vivi & Angel.

	RM
Modal Vivi	60 000
Modal Angel	80 000

Sekiranya Ikatan Perkongsian menetapkan kadar faedah atas modal ialah 5% setahun, kira faedah atas modal bagi kedua-dua pekongsi.

[2 markah]

- (e) Nyatakan dua contoh Belanja Langsung. [2 markah]

- 2 Imbangan duga yang berikut diambil daripada Perniagaan Siti, sebuah perniagaan milikan tunggal pada 31 Mac 2023.

Perniagaan Siti
Imbangan Duga pada 31 Mac 2023

	Debit RM	Kredit RM
Inventori pada 1 April 2022	25 000	
Kenderaan (kos)	38 000	
Bank		6 400
Kadar bayaran	1 500	
Belian dan Jualan	113 460	156 140
Belanja am	465	
Pulangan	540	200
Alat tulis	225	
Angkutan keluar	850	
Alatan pejabat (kos)	5 200	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	25 600	15 960
Insurans	2 500	
Lengkapan	3 000	
Gaji	12 000	
Hutang lapuk terpulih		5 000
Modal pada 1 April 2022		70 330
Tunai	13 770	
Peruntukan hutang ragu		960
Sewa	12 500	
Upah atas belian	380	
	254 990	254 990

Maklumat Tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Mac 2023 bernilai RM21 770 pada harga kos, manakala RM24 450 pada harga pasaran.
- (ii) Gaji Belum Bayar berjumlah RM6 000.
- (iii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 5% setahun.
- (iv) Semua Aset Bukan Semasa disusutnilaikan 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2023.
[13 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2023 (tunjukkan modal kerja).
[12 markah]

3 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Jenny pada 31 Mei 2023.

Imbangan Duga pada 31 Mei 2023		
	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun belum terima	15 000	
Hutang lapuk terpulih		1 000
Lengkapan	12 000	
Gaji	28 000	
Sewa		4 800

Maklumat tambahan:

- (i) Seorang pelanggan telah meninggal dunia. Hutangnya sebanyak RM1 000 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (ii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% atas akaun belum terima bersih.
- (iii) Lengkapan disusutnilaikan 10% setahun atas nilai buku.
- (iv) Gaji tahunan ialah RM33 600.
- (v) Sewa diterima adalah setahun bermula pada 1 Januari 2023.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Hutang Lapuk
- (b) Akaun Peruntukan Hutang Ragu
- (c) Akaun Susut Nilai Terkumpul Lengkapan
- (d) Akaun Gaji
- (e) Akaun Sewa
- (f) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2023
- (g) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2023

[25 markah]

Bahagian B**[40 markah]***Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.*

- 4 Maklumat yang berikut dipetik daripada buku-buku Perniagaan Tifi.

	1 Januari 2023	31 Disember 2023
	RM	RM
Baki Akaun Belum Terima	8 890	8 220
Baki Akaun Belum Bayar	11 330	10 280

Buku Tunai (Ringkasan sahaja)

2023		RM	2023		RM
Jan 1	Baki b/b	12 320	Dis 31	Akaun Belum Bayar	44 500
Dis 31	Akaun Belum Terima	53 370		Belian	5 340
	Jualan	14 300			

Urus niaga sepanjang tahun 2023:

	RM
Angkutan dikenakan oleh pembekal	3 100
Pulangan masuk	500
Diskaun (sebelah debit Buku Tunai)	410
Pulangan keluar	930
Hutang lapuk	640
Hutang lapuk terpulih	180
Diskaun (sebelah kredit Buku Tunai)	560
Diskaun diberi ditarik balik	130
Cek tak laku	720
Pertambahan peruntukan hutang ragu	220
Ambilan barang niaga untuk kegunaan keluarga	450

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Kawalan Belum Terima [10 markah]
- (b) Akaun Kawalan Belum Bayar [8 markah]
- (c) Hitungkan jumlah belian. [2 markah]

- 5 Maklumat berikut dipetik daripada rekod perakaunan dua buah perniagaan yang menjual barang elektrik bagi tahun berakhir 31 Mac 2023.

<u>Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2023</u>		
	<u>Syarikat Rasi</u>	<u>Syarikat Wadi</u>
	RM	RM
Jualan	139 850	158 950
Tolak : Kos jualan	<u>(50 400)</u>	<u>(55 580)</u>
Untung kasar	89 450	103 370
Tolak : Perbelanjaan	<u>(19 550)</u>	<u>(20 870)</u>
Untung bersih	<u>69 900</u>	<u>82 500</u>

<u>Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2023</u>				
	<u>Syarikat Rasi</u>		<u>Syarikat Wadi</u>	
	RM	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa		248 000		255 000
Aset Semasa				
Inventori akhir	31 500		24 500	
Akaun Belum Terima	5 800		8 400	
Bank	<u>12 000</u>		<u>9 500</u>	
	49 300		42 400	
Tolak: Liabiliti Semasa				
Akaun Belum Bayar	<u>(48 100)</u>		<u>(27 400)</u>	
Modal kerja		1 200		15 000
		<u>249 200</u>		<u>270 000</u>
Ekuiti Pemilik				
Modal awal		179 300		187 500
Tambah: Untung bersih		<u>69 900</u>		<u>82 500</u>
		<u>249 200</u>		<u>270 000</u>

Anda dikehendaki :

- (a) Menghitung nisbah berikut bagi Syarikat Rasi dan Syarikat Wadi:
(jawapan dalam 2 tempat perpuluhan)
- (i) Peratus untung kasar atas jualan [4 markah]
- (ii) Peratus untung bersih atas jualan [4 markah]
- (iii) Pulangan atas modal [4 markah]
- (iv) Nisbah semasa [4 markah]
- (b) Nyatakan perniagaan yang menawarkan pelaburan terbaik.
Berikan satu alasan. [2 markah]
- (c) Perniagaan manakah yang mempunyai kedudukan kewangan yang stabil dalam jangka masa pendek?
Berikan satu alasan. [2 markah]

- 6 (a) Berikut ialah baki-baki aset dan liabiliti Perniagaan Aleep Sufii pada 1 Mac 2023.

	RM
Alatan pejabat	10 200
Akaun Belum Terima	2 600
Tunai di bank	8 450
Inventori	9 760
Pinjaman bank	2 000
Akaun Belum Bayar	6 330
Untung bersih	2 190

Urus niaga yang berlaku sepanjang bulan Mac adalah seperti berikut:

- (i) Menjual barang niaga RM4 000 secara kredit dengan harga RM5 400.
- (ii) Membayar semua jumlah pinjaman bank.
- (iii) Mengeluarkan cek RM3 850 kepada Akaun Belum Bayar dan terima diskaun sebanyak RM150.
- (iv) Menghapuskan akaun penghutang RM980 sebagai hutang lapuk.
- (v) Menerima komisen RM 400 dengan cek.
- (vi) Pemilik memasukkan tunai ke dalam bank RM5 000 sebagai modal tambahan.
- (vii) Sebuah komputer terpakai bernilai RM1 500 diambil untuk kegunaan anaknya.
- (viii) Membayar bil utiliti sebanyak RM320 dengan cek.

Berdasarkan maklumat di atas, anda dikehendaki untuk melengkapkan jadual persamaan perakaunan di **LAMPIRAN A**.

[12 markah]

- (b) Puan Ainun, pemilik Pasar Mini Ainun tidak menyimpan rekod perakaunannya dengan lengkap. Pada 1 Januari 2023, Puan Ainun membawa masuk tunai peribadi RM3 000 dan perabot berjumlah RM3 400.

Maklumat berikut diperolehi pada 31 Disember 2023:

	RM
Perabot	8 200
Akaun Belum Terima	2 200
Akaun Belum Bayar	2 750
Bank	4 220
Inventori	4 700
Pinjaman Bank	5 000

Maklumat Tambahan:

- (i) Perabot disusut nilaikan 10 % setahun atas kos.
- (ii) Kadar bayaran yang belum dibayar pada 31 Disember 2023 adalah RM830.
- (iii) Pemilik mengambil barang niaga RM1 000 untuk kegunaan sendiri.
- (iv) Mewujudkan peruntukan hutang ragu pada kadar 5 % atas Akaun Belum Terima bersih.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Mengira Modal pada 31 Disember 2023. [4 markah]
- (b) Penyata Mengira Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023. [4 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT
PERATURAN PEMARKAHAN
ARAS RENDAH
PRINSIP PERAKAUNAN KERTAS 1**

1	A	21	B
2	B	22	C
3	B	23	B
4	C	24	A
5	B	25	D
6	B	26	A
7	C	27	B
8	C	28	A
9	C	29	A
10	D	30	C
11	D	31	A
12	B	32	A
13	D	33	B
14	A	34	D
15	B	35	C
16	D	36	B
17	A	37	D
18	C	38	A
19	D	39	B
20	C	40	C

**PERATURAN PEMARKAHAN
ARAS RENDAH
PRINSIP PERAKAUNAN KERTAS 2**

1	(a)	Pemilik perniagaan	1
		Pihak pengurusan	1
		Pekerja	1
		<i>Mana-mana 2 sahaja</i>	[2 markah]
	(b)	Penyata Bank	1
		Penyata Akaun	1
			[2 markah]
	(c)	Cek belum dikemukakan	1
		Deposit belum dikreditkan	1
		Penerimaan oleh pihak bank bagi pihak pelanggan	1
		Pembayaran oleh pihak bank bagi pihak pelanggan	1
		Cek tak laku	1
		Kesilapan di Buku Tunai	1
		<i>Mana-mana 2 sahaja</i>	[2 markah]
	(d)	Faedah atas Modal Vivi = RM60 000 x 5%	
		= RM3 000	1
		Faedah atas Modal Angel= RM80 000 x 5%	
		= RM4 000	1
			[2 markah]
	(e)	Paten	1
		Royalti	1
		Hak reka cipta	1
		<i>Mana-mana 2 sahaja</i>	[2 markah]

2 (a)

Perniagaan Siti**Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2023**

	RM	RM	RM
Jualan			156 140
Tolak: Pulangan Jualan			(540)
			<u>155 600</u> 1
Tolak: Kos Jualan			
Inventori awal		25 000	
Belian	113 460		
Tolak: Pulangan Belian	(200)		
	<u>113 260</u> 1		
Tambah: Upah atas belian	380		
		<u>113 640</u>	
		138 640	
Tolak: Inventori akhir		(21 770) 1	
Kos Jualan			<u>(116 870)</u> 1+w
Untung kasar			<u>38 730</u> 1+w
Tambah: Hasil			
Hutang lapuk terpulih			<u>5 000</u> 1
			43 730
Tolak: Belanja			
Gaji		18 000 1	
Insurans		2 500	
Angkutan keluar		850	
Alat tulis		225	
Belanja am		465	
Kadar bayaran		1 500	
Sewa		12 500	
Pertambahan Peruntukan Hutang Ragu		320 1	
Susut nilai kenderaan		3 800 1	
Susut nilai alatan pejabat		520 1	
Susut nilaiengkapan		300 1	
			<u>(40 980)</u> 1
Untung bersih			<u><u>2 750</u></u> 1+w

[13 markah]

(b)

Perniagaan Siti
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2023

	RM	RM	RM	
	Kos	Susut Nilai Terkumpul	Nilai Buku	
Aset Bukan Semasa				
Lengkapan	3 000	(300)	2 700	1
Alatan pejabat	5 200	(520)	4 680	1
Kenderaan	38 000	(3 800)	34 200	1
			<u>41 580</u>	
Aset Semasa				
Inventori akhir		21 770		1
15.5	Penyata Kedudukan Kewangan Kelab dan Persatuan									/	S	1	0.5					
16	Perakaunan Kos																	
16.1	Jenis kos dan Kerja Dalam Proses									/	S	1	0.5					
16.2	Akaun Pengeluaran									/	S	1	0.5					
16.3	Analisis Titik Pulang Modal									/	S	1	0.5					
	JUMLAH	1	1 0	2	0	2	3	0	1 5	1		40	20	5	1	0	0	0

**JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)
ARAS SEDERHANA
PRINSIP PERAKAUNAN KERTAS 2**

TAJUK / KONSTRUK	BAHAGIAN A									ARAS SOALAN	JUMLAH	JUMLAH MARKAH	BAHAGIAN B				
	PENGETAHUAN												KEMAHIRAN				
	P 0 1	P 0 2	P 0 3	P 0 4	P 0 5	P 0 6	P 0 7	P 0 8	P 0 9				C 0 1	A 0 1	N 0 1	V 0 1	T 0 1
1	Pengenalan Kepada Perakaunan																
1.3			/							S	0.2	2					
3	Dokumen Perniagaan sebagai Sumber Maklumat																
3.2								/		S	0.2	2					
8	Pelarasan pada Tarikh Imbangan dan Penyediaan Penyata Kewangan Milikan Tunggal																
8.2										S	0.1	2			/		
8.3										S	0.2	4			/		
8.4								/		S	0.3	4			/		
9	Pembetulan Kesilapan																
9.1										S	0.5	12			/		
9.2										S	0.5	8			/		
12	Perakaunan untuk Kawalan Dalaman																
12.3								/		S	0.2	2					

TAJUK / KONSTRUK	BAHAGIAN A									ARAS SOALAN	JUMLAH	JUMLAH MARKAH	BAHAGIAN B					
	PENGETAHUAN												KEMAHIRAN					
	P 0 1	P 0 2	P 0 3	P 0 4	P 0 5	P 0 6	P 0 7	P 0 8	P 0 9				C 0 1	A 0 1	N 0 1	V 0 1	T 0 1	
13	Perakaunan untuk Perkongsian																	
	13.2	Akaun Pengasingan Untung Rugi									S	0.75	17		/	/		
	13.3	Ekuiti Pemilik dan Penyata Kewangan Perkongsian									S	0.25	8			/		
	13.4	Pembubaran Perkongsian									S	0.2	2					
		/																
14	Perakaunan untuk Syarikat Berhad Menurut Syer																	
	14.2	Jenis modal dan terbitan syer									S	0.3	6			/		
	14.3	Ekuiti Pemilik Syarikat Berhad Menurut Syer									S	0.1	2			/		
	14.4	Dividen tunai									S	0.2	4					
								/										
15	Perakaunan untuk Kelab dan Persatuan																	
	15.3	Akaun Yuran Ahli									S	0.25	6		/			
	15.4	Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan									S	0.5	16		/	/		
	15.5	Penyata Kedudukan Kewangan Kelab dan Persatuan									S	0.25	3		/			
16	Perakaunan Kos																	
	16.3	Analisis Titik Pulang Modal									S	1	20		/			
								/										
	JUMLAH											6	120					

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
PRINSIP PERAKAUNAN**

3756/1

Aras Tinggi

Kertas 1

1¼ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.*
4. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

- 1 Maklumat di bawah ini berkaitan dengan pengguna penyata kewangan.

Penyata kewangan digunakan sebagai rujukan untuk menilai kemampuan perniagaan untuk membayar hutang.

Antara berikut, pengguna yang manakah merujuk kepada pernyataan di atas?

- A Pihak bank
 - B Pihak kerajaan
 - C Pihak pelabur
 - D Pihak pengurusan
- 2 Encik Ezzul merupakan pemilik Perniagaan Maju Jaya, beliau telah merekodkan ambilan barang niaga yang telah digunakan oleh keluarganya sebagai ambilan.

Apakah prinsip perakaunan yang telah diamalkan oleh Encik Ezzul?

- A Ketekalan
- B Prinsip kos
- C Entiti berasingan
- D Usaha berterusan

- 3 Kedai Runcit Robert mempunyai tahun kewangan berakhir pada 31 Mei 2023. Maklumat yang berikut diperolehi daripada buku-buku perniagaannya.

	RM
Kenderaan	16 000
Tunai	3 500
Bank (kt)	1 800
Akaun Belum Bayar	2 000
Akaun Belum Terima	3 550

Berapakah modal pada 31 Mei 2023?

- A RM16 250
- B RM19 250
- C RM19 750
- D RM22 750

- 4 Berikut merupakan kesan satu urus niaga terhadap persamaan perakaunan yang diperoleh daripada Kedai Alat Tulis Marie.

Aset (RM)	Liabiliti (RM)	Ekuiti Pemilik (RM)
(1 500)	(1 200)	300

Pernyataan manakah menunjukkan urus niaga di atas?

- A Menerima bayaran bernilai RM1 500 daripada pelanggan, diskaun diberi RM300
 - B Menjelaskan hutang RM1 500 dengan cek RM1 200, diskaun diterima RM300
 - C Sebuah mesin taip bernilai RM1 200 dijual secara kredit pada harga RM1 500
 - D Inventori alat tulis bernilai RM1 500 dijual secara kredit pada harga RM1 200
- 5 Penyata Kedudukan Kewangan berikut tidak disediakan dengan betul.

Perniagaan TSK
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2023

	RM		RM
Bangunan	20 000	Modal	39 800
Alatan pejabat	8 000	Akaun Belum Bayar	15 550
Inventori akhir	18 750		
Akaun Belum Terima	4 500		
Overdraf bank	3 500		
Tunai	600		
	55 350		55 350

Berapakah jumlah modal akhir jika Penyata Kedudukan Kewangan itu disediakan semula?

- A RM70 900
 - B RM51 850
 - C RM36 300
 - D RM32 800
- 6 Pilih padanan yang betul bagi dokumen perniagaan dan urus niaganya.

	Dokumen Perniagaan	Urus Niaga
A	Invois	Belian secara kredit
B	Keratan cek	Bukti penerimaan tunai
C	Nota debit	Pulangan barang niaga
D	Bil tunai	Penerimaan diskaun tunai

7 Situasi berikut berlaku dalam Perniagaan Sam.

Pemilik Perniagaan Sam, Encik Sam telah menghantar e-mel kepada Pembekal Komputer IT World untuk membeli lima buah komputer bagi kegunaan pejabat secara

Pilih aliran dokumen yang betul.

- A Pesanan belian → Bil tunai → Resit
- B Pesanan belian → Nota serahan → Invois
- C Pesanan belian → Makluman debit → Invois → Resit
- D Pesanan belian → Nota serahan → Nota kredit → Invois

8 Invois di bawah ini adalah dokumen perniagaan Kedai Runcit Ting.

ASAL	No. 1301			
INVOIS				
Syarikat Perabot AA 86 Jalan Durian, 97000 Bintulu, Sarawak				
Kepada:				
Kedai Elektrik Theng				
Lot 88 Jalan Unggas				
97000 Bintulu, Sarawak				
Tarikh: 26 Ogos 2023				
Bil.	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Rak	2	200	400
Tolak: Diskaun niaga				-
JUMLAH				400
(Ringgit: Empat ratus sahaja)				
Syarat : 5% 7 hari				
Serahan: Angkutan dibayar				
K.& K. di K.				
<u>Theng</u>				<u>Lai</u>
Penerima				Pengurus

Catatan dalam Jurnal Am manakah yang betul?

A

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2023		RM	RM
Ogos 26	Belian	400	
	Syarikat Perabot AA		400

B

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2023		RM	RM
Ogos 26	Perabot Syarikat Perabot AA	400	400

C

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2023		RM	RM
Ogos 26	Syarikat Perabot AA Belian	400	400

D

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2023		RM	RM
Ogos 26	Syarikat Perabot AA Perabot	400	400

9 Maklumat berikut berkaitan dengan Kedai Kasut Fifi.

Pada 15 Ogos 2023, Kedai Kasut Fifi menerima cek RM4 500 daripada Leo Enterprise yang menjelaskan hutangnya sebanyak RM4 800.

Catatan dalam Buku Tunai yang manakah betul?

A

Dt Buku Tunai (petikan)

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
2023		RM	RM	RM
Ogos 15	Leo Enterprise	300		4 500

B

Dt Buku Tunai (petikan)

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
2023		RM	RM	RM
Ogos 15	Leo Enterprise			4 800

C

Buku Tunai (petikan)**Kt**

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
2023		RM	RM	RM
Ogos 15	Leo Enterprise	300		4 500

D

Buku Tunai (petikan)**Kt**

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
2023		RM	RM	RM
Ogos 15	Leo Enterprise			4 800

- 10 Maklumat di bawah diperoleh daripada Perniagaan Nur Ain.

Buku Tunai Runcit

Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM	Analisis Bayaran	
				Alat tulis RM	Belanja pejabat RM
April 1	Baki b/b	28			
	Bank	172			
8	Katrij pencetak		35	35	
12	Penyegar udara		15		15
18	Belanja pembersihan		50		50
22	Pen dan marker		8	8	
24	Belanja membaiki sinki		40		40
26	Fail dan kertas pencetak		24	24	
		200	172	67	105
30	Baki h/b		28		
		200	200		

Berapakah jumlah bayaran balik yang diterima daripada juruwang mengikut sistem panjar?

- A RM28
 B RM105
 C RM172
 D RM200
- 11 Apakah yang menyebabkan Akaun Kawalan Belum Terima berbaki kredit?
- A Perniagaan terlebih bayar kepada Akaun Belum Terima
 B Akaun Belum Terima terkurang bayar kepada pelanggan
 C Akaun Belum Terima memulangkan barang selepas akaun dijelaskan
 D Akaun Belum Terima memulangkan barang sebelum akaun dijelaskan

- 12 Berikut ialah Akaun Kawalan Belum Bayar bagi Bakeri Gemilang.

Akaun Kawalan Belum Bayar

2023	RM	2023	RM
Jun 30 Pulangan belian	110	Jun 1 Baki b/b	1 100
Bank	560		
Diskaun diterima	120		

Maklumat tambahan:

- i. Baki Akaun Belum Bayar pada 30 Jun 2023 ialah RM805.
- ii. Faedah yang dikenakan oleh pembekal ialah RM155.

Berapakah jumlah belian kredit?

- A RM340
- B RM450
- C RM960
- D RM1 070

- 13 Berikut adalah kad inventori Haslina Trading pada 31 Mei 2023.

No Kad Inventori	Nilai pada Harga Kos RM	Nilai pada Harga Pasaran RM
1	6 900	9 600
2	11 834	19 140
3	2 970	4 340
4	6 240	3 190

Berapakah nilai inventori pada 31 Mei 2023?

- A RM24 894
- B RM27 944
- C RM36 270
- D RM39 320

14 Berikut adalah butiran aset dan liabiliti yang diambil daripada buku Alia Trading.

	RM
Perabot	2 950
Overdraf Bank	340
Akaun Belum Terima	2 150
Akaun Belum Bayar	1 780
Sewa belum terima	600
Inventori akhir	1 570

Berapakan modal kerja perniagaan tersebut?

- A RM 9 390
- B RM 5 150
- C RM 4 320
- D RM 2 200

15 Manakah yang menunjukkan catatan penutupan nagi Akaun Belian yang betul?

A

Akaun Belian			
		2023	RM
Dis 31	Akaun Perdagangan	36 000	
Dis 31	Bank		36 000

B

Akaun Belian			
		2023	RM
Dis 31	Bank	36 000	
Dis 31	Akaun Perdagangan		36 000

C

Akaun Belian			
		2023	RM
Dis 31	Akaun Untung Rugi	36 000	
Dis 31	Bank		36 000

D

Akaun Belian			
		2023	RM
Dis 31	Bank	36 000	
Dis 31	Akaun Untung Rugi		36 000

- 16 Kedai Lampu Malik telah membayar premium insurans berjumlah RM11 040 pada 1 Mei 2023 untuk tempoh setahun sehingga 30 April 2024. Tahun kewangan perniagaan berakhir pada 30 September setiap tahun.

Berapakah insurans prabayar pada 30 September 2023?

- A RM920
- B RM3 680
- C RM5 520
- D RM6 440

- 17 Petikan Imbangan Duga berikut diambil daripada buku Syarikat Excel Energy.

Imbangan Duga pada 31 Mac 2023

	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Belum Terima	7 800	
Peruntukan Hutang Ragu		400

Maklumat tambahan:

Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% atas Akaun Belum Terima.

Apakah catatan dalam Akaun Untung Rugi?

- A Pengurangan peruntukan hutang ragu RM10
 - B Pertambahan peruntukan hutang ragu RM10
 - C Pengurangan peruntukan hutang ragu RM390
 - D Pertambahan peruntukan hutang ragu RM390
- 18 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Syarikat Dunia pada 31 Disember 2023.

	RM
Perabot	5 200
Susut nilai terkumpul	1 040

Perabot tersebut dijual dengan harga RM4 420 pada 31 Disember 2023.

Berapakah untung atau rugi pelupusan kenderaan tersebut?

- A Rugi pelupusan RM260
- B Rugi pelupusan RM780
- C Untung pelupusan RM260
- D Untung pelupusan RM780

- 19 Maklumat berikut diperoleh daripada peniaga Wan Abdullah pada 31 Disember 2023.

	RM
Mesin	40 000
Susut nilai terkumpul	7 500

Mesin bagi Peniagaan Wan Abdullah disusutnilaikan pada kadar 10% setahun dengan kaedah baki berkurangan.

Apakah catatan yang betul dalam Imbangan Duga Terselaras?

	Butiran	Debit RM	Kredit RM
A	Mesin	40 000	
	Susut nilai terkumpul mesin		7 500
B	Mesin	40 000	
	Susut nilai terkumpul mesin		3 250
C	Mesin	29 250	
	Susut nilai terkumpul mesin		10 750
D	Mesin	40 000	
	Susut nilai terkumpul mesin		10 750

- 20 Perniagaan Dollah ingin melupuskan aset di bawah

Harga jualan kenderaan (RM)	Nilai buku kenderaan (RM)
80 000	82 000

Apakah kesan urus niaga ke atas untung bersih dan Aset Bukan Semasa?

	Untung bersih	Aset Bukan Semasa
A	Meningkat	Berkurang
B	Berkurang	Meningkat
C	Meningkat	Meningkat
D	Berkurang	Berkurang

- 21 Berikut adalah kesilapan yang dilakukan oleh seorang kerani akaun.

Beli penghawa dingin RM2 500 daripada Kedai Elektrik Tashiba untuk kegunaan pejabat terlupa direkod dalam mana-mana buku.

Bagaimanakah kesilapan ini dibetulkan dalam Jurnal Am?

	Butiran	Debit RM	Kredit RM
A	Belian Modal	2 500	2 500
B	Belian Kedai Elektrik Tashiba	2 500	2 500
C	Kelengkapan Kedai Elektrik Tashiba	2 500	2 500
D	Kelengkapan Modal	2 500	2 500

- 22 Maklumat yang berikut diperolehi daripada buku akaun Encik Dayn bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

Kos jualan	RM77 000
Inventori pada 31 Januari 2023	RM14 640
Kadar pusing ganti inventori	7 kali

Hitungkan nilai inventori pada 31 Disember 2023.

- A RM3 640
- B RM7 360
- C RM11 000
- D RM12 820

23 Maklumat yang berikut diambil daripada buku perniagaan Kedai Sumi.

	RM
Inventori awal	4 300
Inventori akhir	3 600
Aset semasa	24 000
Aset bukan semasa	60 000
Modal kerja	6 380

Kira Nisbah Ujian Asid.

- A 0.37 : 1
- B 0.67 : 1
- C 1.12 : 1
- D 1.16 : 1

24 Maklumat di bawah ini diperoleh daripada buku perniagaan Kedai Jia Chiuan yang tidak mengamalkan sistem catatan bergu.

	1 Januari 2023	31 Disember 2023
	RM	RM
Akaun Belum Bayar	12 300	14 100

Maklumat tambahan:

- i. Belian tunai RM5 400.
- ii. Pulangan keluar RM560.
- iii. Cek dibayar kepada akaun belum bayar RM16 200.

Berapakah belian kredit?

- A RM14 960
- B RM18 560
- C RM20 360
- D RM23 960

- 25 Maklumat yang berikut diperolehi daripada Kedai Ivy yang mengamalkan rekod tak lengkap. Tempoh perakaunan berakhir 31 Mac 2023.

	1 April 2022	31 Mac 2023
	RM	RM
Belanja am belum bayar	1 200	950

Maklumat tambahan:

Belanja am sebanyak RM3 400 telah dibayar dengan cek pada 31 Januari 2023.

Berapakah jumlah belanja am bagi tempoh perakaunan tersebut?

- A RM1 200
 - B RM2 150
 - C RM3 150
 - D RM3 400
- 26 Encik Atiq memulakan Butik AQ pada bulan Julai 2023 dengan membawa masuk cek bernilai RM40 000 ke dalam perniagaannya. Berikut ialah petikan anggaran belanjawan bagi 3 bulan berakhir 30 September 2023.
- i. Jualan tunai bagi bulan Julai berjumlah RM20 000 dan akan bertambah sebanyak 20% setiap bulan.
 - ii. Pada bulan September sumbangan modal tambahan sebanyak RM4 000 diperolehi daripada rakannya.

Berapakah jumlah penerimaan Butik AQ bagi bulan Julai, Ogos dan September 2023?

	Julai	Ogos	September
A	RM60 000	RM24 000	RM28 800
B	RM60 000	RM24 000	RM32 800
C	RM60 000	RM4 000	RM28 800
D	RM60 000	RM4 000	RM4 800

27 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Syarikat Uoha pada akhir bulan Mei 2023.

Buku Tunai (Ruangan bank)

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	No. Cek	Jumlah
2023		RM	2023			RM
Mei 1	Baki b/b	59 580	Mei 8	Syarikat Ramli	321590	7 710
25	Liew Trading	3 750	31	Gaji	321591	12 960

Penyata Bank

Tarikh	Butir	Wang keluar (Dt.)	Wang masuk (Kt.)	Baki
2023		RM	RM	RM
Mei 1	Baki b/b			63 660
13	Cek 321588	4 080		59 580
24	Faedah		750	60 330
31	Cek 321591	12 960		47 370

Butiran yang manakah merupakan cek belum dikreditkan?

- A Gaji
 - B Faedah
 - C Liew Trading
 - D Syarikat Ramli
- 28 Stevan Sii seorang peniaga yang mengusahakan gerai burger. Berikut adalah maklumat yang diperoleh darinya.

Belanjawan Tunai bagi 3 bulan berakhir 31 Mac 2023 (petikan)

Butir	Januari RM	Februari RM	Mac RM
Baki b/b	1 350	1 470	2 650
Jualan burger	2 550	3 160	3 570
Belian bahan masakan	X	1 430	1 680
Belian dapur gas	130	180	210
Sewa bulanan	250	250	250
Perbelanjaan am	160	120	230

Berapakah nilai **X**?

- A RM1 180
- B RM1 430
- C RM1 890
- D RM3 360

- 29 Pada tarikh pembubaran, Akaun Modal Ramlan mempunyai baki kredit RM3 200. Beliau perlu menanggung rugi realisasi sebanyak RM1 200 dan bersetuju mengambil alih sebuah komputer pada harga RM2 300.

Berapakah jumlah tunai tambahan yang perlu dibawa masuk oleh Ramlan untuk menanggung kurangan modalnya?

- A RM300
- B RM1 200
- C RM3 500
- D RM4 400

- 30 Perkongsian AliBaba telah dibubarkan. Jumlah aset RM82 000 telah direalis sebanyak RM80 000. Belanja realisasi RM1 200 dan liabiliti perkongsian RM2 400.

Berapakah rugi realisasi?

- A RM2 000
- B RM3 200
- C RM3 600
- D RM4 400

- 31 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perkongsian Sunrise pada 30 Jun 2023.

	RM
Akaun Modal	
Alex	30 000
Iskandar	20 000
Akaun Semasa	
Alex	350(debit)
Iskandar	1 850

Catatan manakah tepat dalam Penyata Kedudukan Kewangan bahagian Ekuiti Pemilik pada 30 Jun 2023.

A

Ekuiti Pemilik	RM	RM
Akaun Modal Alex	30 000	
Akaun Modal Iskandar	<u>20 000</u>	
		50 000
Akaun Semasa Alex	350	
Akaun Semasa Iskandar	<u>1 850</u>	
		2 200

B

Ekuiti Pemilik	RM	RM
Akaun Modal Alex	30 000	
Akaun Modal Iskandar	<u>20 000</u>	
		50 000
Akaun Semasa Alex	(350)	
Akaun Semasa Iskandar	<u>1 850</u>	
		1 500

C

Ekuiti Pemilik	RM
Akaun Modal	50 000
Akaun Semasa	2 200

D

Ekuiti Pemilik	RM
Akaun Modal	50 000
Akaun Semasa	1 500

32 Pada 1 Januari 2023, Nick telah membeli 8 000 unit 8% syer keutamaan RM2 sesyer daripada Syarikat Berjaya Berhad. Lembaga Pengarah syarikat telah mengumumkan perkara yang berikut.

- i. Membayar dividen interim 3% pada 1 Mei 2023.
- ii. Mengisytiharkan dividen akhir pada 31 Disember 2023.

Hitungkan jumlah dividen akhir yang akan diterima oleh Nick.

- A RM240
- B RM400
- C RM480
- D RM800

33 Syarikat Anson Berhad memiliki syer berikut.

7 000 000 unit 6% Syer Keutamaan RM1 sesyer
1 750 000 unit syer biasa RM0.50 sesyer

Pada tahun 2023, syarikat telah membuat keputusan agihan dividen seperti berikut:

Agihan keuntungan	
Syer Keutamaan RM42 000	Syer biasa RM105 000

Berapa kadar dividen Syer Biasa yang diperuntukkan?

- A 6%
- B 9%
- C 12%
- D 15%

34 Maklumat berikut diambil daripada Syarikat Jayden Berhad pada 31 Disember 2023.

Syarikat Jayden Berhad telah menerbitkan 2 000 000 unit saham biasa, RM1.50 sesyer.

Yang manakah merupakan catatan jurnal untuk merekodkan terbitan syer yang betul?

	Butiran	Debit RM	Kredit RM
A	Permohonan Syer Biasa Modal Syer Biasa	2 000 000	2 000 000
B	Modal Syer Biasa Permohonan Syer Biasa	3 500 000	3 500 000
C	Modal Syer Biasa Permohonan Syer Biasa	2 000 000	2 000 000
D	Permohonan Syer Biasa Modal Syer Biasa	3 500 000	3 500 000

- 35 Maklumat di bawah ini diperoleh daripada buku Kelab Boling Padang pada 31 Disember 2023.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

Penerimaan	RM
Yuran tahun 2022	360
Yuran tahun 2023	34 600
Yuran tahun 2024	1 000

Maklumat tambahan:

- i. Pada 1 Januari 2023, yuran belum terima dan yuran belum terperoleh masing-masing berjumlah RM580 dan RM360.
- ii. Yuran tahun 2022 yang tidak dapat dikutip dianggap sebagai yuran lapuk.

Berapakah jumlah yuran yang akan dipindahkan ke Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023?

- A RM34 960
 B RM35 960
 C RM36 320
 D RM37 440
- 36 Bendahari Kelab Memanah Kuching memberikan maklumat berikut pada 30 Jun 2023.

	RM
Yuran	X
Yuran masuk	2 600
Kadar bayaran	1 300
Yuran pertandingan memanah	6 500
Hadiah pertandingan memanah	1 800
Sewa rumah kelab	3 600
Insurans	1 200

Jika kelab memperoleh lebih pendapatan sebanyak RM13 900, hitungkan nilai X?

- A RM7 900
 B RM9 100
 C RM12 700
 D RM15 300

- 37 Maklumat berikut diperolehi daripada akaun Kelab Bola Jaring Damai pada 1 Mac 2023.

	RM
Bank	6 200
Kenderaan	30 000
Yuran Belum Terima	600
Inventori Minuman	5 000
Yuran Belum Terperoleh	1 000
Kadar Bayaran Belum Bayar	1 100

Berapakah dana terkumpul pada tarikh berkenaan?

- A RM39 700
 - B RM43 900
 - C RM45 880
 - D RM50 120
- 38 Maklumat di bawah ini berkaitan dengan produk jus mangga yang dikeluarkan oleh Kilang Aman.

	RM
Kos berubah seunit	20
Harga jualan seunit	28

Berapakah kos tetap kilang ini jika Titik Pulang Modal bagi pengeluaran jus mangga ialah 100 000 unit?

- A RM100 000
- B RM200 000
- C RM400 000
- D RM800 000

- 39 Maklumat di bawah ini berkaitan dengan pengeluaran 10 000 unit produk TM2 oleh Firma Ma.

	RM
Kos Tetap	120 000
Kos Bahan Langsung	50 000
Buruh Langsung	60 000
Harga jualan seunit	16

Berapakah unit produk TM2 perlu dijual supaya firma tidak mengalami kerugian?

- A 24 000 unit
 - B 40 000 unit
 - C 50 000 unit
 - D 200 000 unit
- 40 Kilang Pakaian Mimi mengeluarkan blaus kanak-kanak yang dijual di pasaran pada harga RM48 sehelai. Kos tetap bagi pengeluaran blaus tersebut ialah sebanyak RM100 000 manakala kos berubah pula RM32 sehelai.

Berapakah jumlah blaus yang perlu dijual oleh kilang tersebut untuk mencapai untung sasaran sebanyak RM140 000?

- A 6 000 helai
- B 10 000 helai
- C 15 000 helai
- D 30 000 helai

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
PRINSIP PERAKAUNAN**

3756/2

Aras Tinggi

Kertas 2

2½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B.***
3. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
4. **Tunjukkan kerja mengira.** *Ini membantu anda mendapatkan markah.*
5. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan.

- 1 (a) Nyatakan prinsip dan andaian dalam perakaunan yang diamalkan dalam situasi berikut:
- (i) Perniagaan yang dimulakan oleh Puan Sakina akan terus beroperasi untuk suatu tempoh masa yang tidak tetap.
 - (ii) Tebedu Mutiara Enterprise telah menetapkan kaedah garis lurus untuk menyusutnilaikan semua aset bukan semasa perniagaannya. [2 markah]
- (b) Nyatakan dokumen bagi setiap urus niaga di bawah:
- (i) Membayar hutang kepada Akaun Belum Bayar RM700 dan menerima diskaun sebanyak RM60.
 - (ii) Puan Azza menghantar ringkasan urus niaga yang berlaku antara perniagaannya dengan pembeli pada setiap akhir bulan. [2 markah]
- (c) Berikan catatan bergu yang betul untuk merekod inventori akhir. [2 markah]
- (d) Berikut adalah petikan daripada Akaun Perdagangan Kedai Siti pada 30 September 2023.

	RM
Jualan	55 000
Pulangan jualan	7 000
Untung kasar	24 500

Berapa peratus untung kasar atas jualan?

[2 markah]

- (e) Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Gemilang Tesu Berhad.
- (i) Modal berbayar terdiri daripada 200 000 unit 5% syer keutamaan RM1.00 sesyer.
 - (ii) Pada 1 Julai 2023, syarikat telah mengisytiharkan dividen 5% syer keutamaan bagi 6 bulan pertama.
 - (iii) Bagi tahun berakhir 31 Disember 2023, syarikat telah memutuskan untuk membayar dividen akhir syer keutamaan.

Berapakah dividen akhir?

[2 markah]

- 2 Puan Suhaila ialah peniaga runcit yang merekod akaun perniagaannya tanpa menggunakan Sistem Catatan Bergu. Maklumat kewangan perniagaannya adalah seperti berikut:

	1 April 2022	31 Mac 2023
	RM	RM
Kelengkapan	5 000	?
Akaun Belum Bayar	6 350	5 800
Akaun Belum Terima	7 150	9 550
Komisen Belum Terperoleh	400	-
Komisen Belum Terima	-	600
Kadar Bayaran Belum Bayar	500	450
Sewa Prabayar	900	1 250
Inventori	3 700	3 800

Ringkasan Buku Tunai bagi tahun berakhir 31 Mac 2023 adalah seperti berikut:

Dt	Buku Tunai	Kt
	RM	RM
Baki pada 1 April 2022	6 800	Akaun Belum Bayar 46 500
Akaun Belum Terima	62 000	Belian 1 200
Jualan	8 900	Ambilan 2 300
Komisen	2 800	Sewa 6 000
		Kelengkapan 3 000
		Insurans 3 250
		Kadar Bayaran 5 000

Maklumat tambahan :

- (i) Pemilik telah mengambil barang niaga berjumlah RM 600 untuk tujuan promosi.
- (ii) Kelengkapan disusut nilai pada kadar 10% setahun atas kos.
- (iii) Nota kredit bernilai RM350 telah dihantar kepada pelanggan. Perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.

Anda Dikehendaki:

- (a) Menghitung jumlah belian dan jualan. [4 markah]
- (b) Menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2023. [12 markah]
- (c) Menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2023. [9 markah]

- 3 Imbangan Duga berikut diperoleh daripada buku perniagaan Kilang Beg Kulit Leena yang beroperasi di kawasan perindustrian Sri Aman, Sarawak bagi tahun berakhir 30 April 2023

Imbangan Duga pada 30 April 2023

	Debit RM	Kredit RM
Inventori pada 1 Mei 2022: Bahan Langsung	34 080	
Kerja dalam proses	10 270	
Barang siap	6 980	
Alat-alat kecil	560	
Modal		100 000
Akaun belum terima	22 000	
Angkutan masuk	1 800	
Belian bahan langsung	42 000	
Upah buruh langsung	16 880	
Duti import bahan langsung	10 920	
Sewa dan kadar bayaran	44 640	
Angkutan keluar	720	
Upah buruh tak langsung	12 800	
Insurans	3 360	
Belanja penyelenggaraan kilang	1 440	
Belian alat-alat kecil	1 620	
Mesin (kos)	60 000	
Akaun belum bayar		13 761
Belanja am	1 790	
Bank	35 500	
Diskaun diterima		3 740
Gaji pengurus kilang	33 961	
Susut nilai terkumpul mesin		24 000
Jualan		199 820
	<u>341 321</u>	<u>341 321</u>

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 30 April 2023:

	RM
Bahan langsung	1 685
Kerja dalam proses	9 870
Barang siap	11 340
Alat-alat kecil	765

- (ii) Pulangan belian bahan langsung RM545 telah tertinggal catat dalam buku perniagaan.
- (iii) Kos angkutan keluar sebanyak RM450 telah tersilap rekod sebagai angkutan masuk.
- (iv) Insurans prabayar sebanyak RM360.
- (v) Mesin disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

(vi) Belanja diagihkan antara kilang dan pejabat seperti berikut:

	Kilang	Pejabat
Sewa dan kadar bayaran	60%	40%
Insurans	75%	25%
Susut nilai mesin	60%	40%
Belanja am	100%	-

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Menyediakan Penyata Kos Pengeluaran Kilang Beg Kulit Leena bagi tahun berakhir 30 April 2023. (13 markah)
- (b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 April 2023. (4 markah)
- (c) Menghitung:
- (i) Kos berubah seunit jika Kilang Beg Kulit Leena mengeluarkan 500 unit beg kulit dalam tempoh perakaunan berakhir 30 April 2023. (2 markah)
- (ii) Kos tetap yang terlibat dalam pengeluaran beg kulit tersebut (2 markah)
- (iii) Titik pulang modal dalam unit jika harga jualan adalah RM406 seunit. (2 markah)
- (iv) Sasaran untung jika kilang mengeluarkan 450 unit beg kulit. (Andaikan kos tetap dan harga jualan seunit tidak berubah) (2 markah)

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

- 4 Encik Melvin merupakan pemilik sebuah Butik di sebuah pusat beli belah di Kuching, Sarawak. Beliau merancang untuk menyediakan anggaran Belanjawan Tunai untuk tiga bulan berakhir pada 30 September 2023. Maklumat berikut adalah anggaran penerimaan dan pembayaran yang telah dibuat.

- (i) Baki-baki pada 1 Julai 2023:

	RM
Baki di bank	25 000
Baki di tangan	3 280
Peralatan butik	12 800

- (ii) Anggaran jualan bagi tiga bulan adalah seperti berikut:

Julai	RM25 000
Ogos	Meningkat 10% daripada bulan sebelumnya.
September	Meningkat 25% daripada bulan sebelumnya.

60% daripada jualan bulanan merupakan jualan tunai dan bakinya diberi tempoh sebulan kredit. Jualan kredit bulan Jun ialah RM8 500.

- (iii) Anggaran jumlah belian:

	RM
Mei	10 000
Jun	12 000
Julai	15 400
Ogos	18 200
September	21 500

Nisbah untuk belian tunai dan kredit untuk setiap bulan ialah 3:2. Tempoh kredit ialah dua bulan.

- (iv) Pada bulan Ogos, Encik Melvin bercadang untuk membuat pinjaman bank sebanyak RM24 000 dengan kadar faedah 6% setahun selama 5 tahun. Ansuran pinjaman bermula pada bulan berikutnya.
- (v) Perniagaan mempunyai dua orang pekerja, masing-masing dibayar gaji sebanyak RM1 500 sebulan. Pada bulan Ogos, gaji kedua-dua orang pekerja akan dinaikkan sebanyak 20%. Pada bulan September, Encik Melvin bercadang untuk menambah seorang lagi pekerja yang dibayar gaji RM1 600.
- (vi) Perbelanjaan bulanan:

	RM
Sewa kedai	1 000
Kadar Bayaran	560
Susut nilai peralatan butik	1 280
Belanja Am	250

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 September 2023.

[20 markah]

- 5 Karim dan Gopal adalah rakan kongsi dalam Perkongsian KAPAL yang membahagikan untung atau rugi mengikut nisbah 3:1. Pada 31 Ogos 2023 mereka bersetuju untuk menamatkan perkongsian mereka kerana Gopal ingin berpindah ke luar negara.

Berikut adalah baki-baki yang diambil daripada buku Perkongsian KAPAL pada 31 Ogos 2023.

	RM
Premis	85 000
Kenderaan	55 500
Inventori	10 220
Akaun Belum Terima	9 840
Bank	2 920
Akaun Modal Karim	60 000
Akaun Modal Gopal	30 000
Akaun Semasa Karim	480
Akaun Semasa Gopal	(1 000)
Akaun Belum Bayar	24 000
Pinjaman	50 000

Perkara berikut telah dipersetujui semasa pembubaran:

- (i) Aset-aset berikut dijual dan hasil jualan dibankkan,

Premis	RM90 000
Kenderaan	RM30 500
Inventori	RM8 500
- (ii) 90% dari Akaun Belum Terima berjaya dikutip. Bakinya dihapuskira sebagai hutang lapuk.
- (iii) Akaun Belum Bayar bersetuju memberi diskaun sebanyak RM1 500 sebagai penjelasan semua hutang.
- (iv) Karim bersetuju mengambil-alih 60% dari jumlah pinjaman. Baki pinjaman dijelaskan dengan cek.
- (v) Belanja realisasi sebanyak RM1 250 dibayar oleh Gopal.
- (vi) Satu bil kadar bayaran bulan Julai sebanyak RM350 telah dikemukakan untuk pembayaran.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Realisasi [7 markah]
- (b) Akaun Modal Pekongsi [6 markah]
- (c) Akaun Bank [7 markah]

- 6 Baki akhir Penyata Bank Perniagaan Zariani bagi bulan Mac 2023 adalah berbeza dengan baki akhir Buku Tunai pada tarikh yang sama iaitu:

	RM	
Baki Penyata Bank	5 330	(Kredit)
Baki Buku Tunai	2 690	(Kredit)

Setelah Penyata Bank dan Buku Tunai dibandingkan, didapati perbezaan itu disebabkan oleh perkara-perkara berikut.

- (i) Cek-cek yang berikut telah dikeluarkan tetapi belum dikemukakan kepada bank

Butir	No. Cek	Jumlah (RM)
Sewa premis	455620	5 280
Pembekal Khairul	455621	21 560
Perniagaan Meh Wa	455622	11 720

- (ii) Cek bernombor 123400 berjumlah RM4 860 yang diterima daripada Perniagaan Barvany dipulangkan oleh pihak bank tetapi belum direkodkan dalam Buku Tunai.
- (iii) Cek-cek yang berikut belum didepositkan ke Akaun Bank:

Butir	No. Cek	Jumlah (RM)
Maria Enterprise	570000	9 000
Perniagaan Fina	430222	6 400
Vivy Enterprise	689035	900
Perniagaan Sharifah	325123	3 000

- (iv) Dividen diterima daripada Qurnia Berhad berjumlah RM3 600 telah dicatatkan di penyata bank tetapi belum dicatatkan di Buku Tunai.
- (v) Cek bernilai RM1 340 kepada Arena Trading telah tersalah catat di sebelah debit Buku Tunai.
- (vi) Arahan tetap untuk bayaran insurans premis berjumlah RM7 200 belum dicatatkan dalam Buku Tunai.
- (vii) Bank telah mengenakan bayaran perkhidmatan sebanyak RM160.
- (viii) Bayaran RM30 telah dicaj oleh bank untuk buku cek.
- (ix) Syarikat telah mendepositkan cek Perniagaan Suria berjumlah RM9 320 ke dalam bank tetapi telah dicatatkan sebagai RM9 230 dalam Buku Tunai.

Anda dikehendaki:

- (a) Mengemaskinikan Buku Tunai pada 31 Mac 2023 [8 markah]
- (b) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2023 [10 markah]
- (c) Menyatakan dua tujuan penyediaan Penyata Penyesuaian Bank [2 markah]

**PERATURAN PEMARKAHAN
ARAS TINGGI
PRINSIP PERAKAUNAN KERTAS 1**

1	A	21	C
2	C	22	B
3	B	23	D
4	D	24	B
5	D	25	C
6	A	26	B
7	B	27	C
8	B	28	C
9	A	29	A
10	C	30	B
11	C	31	B
12	A	32	D
13	A	33	C
14	D	34	D
15	B	35	A
16	D	36	C
17	A	37	A
18	C	38	D
19	D	39	A
20	D	40	C

**PERATURAN PEMARKAHAN
ARAS TINGGI
PRINSIP PERAKAUNAN KERTAS 2**

- | | | | | |
|----------|-----|--|-------------------|------------|
| 1 | (a) | (i) Usaha berterusan
(ii) Ketekalan | 1
1 | [2 markah] |
| | (b) | (i) Resit
(ii) Penyata Akaun | 1
1 | [2 markah] |
| | (c) | Dt Akaun Inventori
Kt Akaun Perdagangan | 1
1 | [2 markah] |
| | (d) | Peratus Untung Kasar atas Jualan = $\frac{\text{Untung kasar}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\%$
= $\frac{24\,500}{48\,000} \times 100\%$
= 51.04% | or 1
or 1
1 | [2 markah] |
| | (e) | Dividen Akhir = $200\,000 \times \text{RM}1 \times 5\% \times 6/12$
= RM5 000 | or 1
1 | [2 markah] |

2 (a) **Jalan kerja**

*Jualan kredit

$$= \text{Penerimaan daripada Akaun Belum Terima} + \text{Baki akhir} + \text{Pulangan jualan} - \text{Baki awal}$$

$$= \text{RM62 000} + \text{RM9 200} + \text{RM350} - \text{RM7 150}$$

$$= \text{RM64 400}$$

*Belian kredit

$$= \text{Pembayaran kepada Akaun Belum Bayar} + \text{Baki akhir} - \text{Baki awal}$$

$$= \text{RM46 500} + \text{RM5 800} - \text{RM6 350}$$

$$= \text{RM45 950}$$

$$\text{Jumlah Jualan} = \text{Jualan Kredit} + \text{Jualan Tunai}$$

$$= \text{RM64 400} + \text{RM8 900}$$

$$= \text{RM73 300} \quad (2 \text{ markah})$$

$$\text{Jumlah Belian} = \text{Belian Kredit} + \text{Belian Tunai}$$

$$= \text{RM45 950} - \text{RM600(Promosi)} + \text{RM1 200}$$

$$= \text{RM46 550} \quad (2 \text{ markah})$$

(b)

Suhaila

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2023

	RM	RM	
Jualan		73 300	1
Tolak: Pulangan jualan		<u>(350)</u>	1
Jualan bersih		72 950	
Tolak: Kos Jualan			
Inventori awal	3 700		
Belian	<u>46 550</u>		1
	50 250		
Tolak: Inventori akhir	<u>(3 800)</u>		
Kos jualan		<u>(46 450)</u>	1of+w
Untung kasar		26 500	1of+w
Tambah: Hasil			
Komisen (2 800 + 400 + 600)		<u>3 800</u>	1
		30 300	
Tolak: Belanja			
Sewa (6 000 + 900 - 1 250)	5 650		1
Susut Nilai Lengkapan (8 000 x 10%)	800		1
Insurans	3 250		
Kadar Bayaran (5 000 - 500 + 450)	4 950		1
Promosi	<u>600</u>		1
		<u>(15 250)</u>	1of
Untung bersih		<u>15 050</u>	1+w

(12 markah)

(c)

Suhaila
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2023

	Kos	Susut Nilai Terkumpul	Nilai Buku	
	RM	RM	RM	
Aset Bukan Semasa				
Lengkapan	8 000	(800)	7 200	1
Aset Semasa				
Bank	13 250			1
Inventori akhir	3 800			
Akaun Belum Terima	9 200			1
Komisen Belum Terima	600			
Sewa Prabayar	1 250			
		28 100		1
Tolak: Liabiliti Semasa				
Akaun Belum Bayar	5 800			
Kadar Bayaran Belum Bayar	450			
		(6 250)		1
Modal Kerja			21 850	1of+w
			29 050	
Ekuiti Pemilik				
Modal Awal			16 300	1
Tambah: Untung Bersih			15 050	1of
			31 350	
Tolak: Ambilan			(2 300)	1
			29 050	

(9 markah)

3 (a) **Kilang Beg Kulit Leena**
Penyata Kos Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 April 2023

	RM	RM	
Inventori awal bahan langsung*		34 080	
Tambah: Belian bahan langsung	42 000		
Tolak: Pulangan belian	(545)		
	<u>41 455</u>		1
Tambah: Duti import bahan langsung	10 920		
Angkutan masuk	1 350		
	<u>12 270</u>		1
		<u>53 725</u>	
		87 805	
Tolak : Inventori akhir bahan langsung*		(1 685)	*1fb
Kos bahan langsung digunakan		<u>86 120</u>	1+w
Kos buruh langsung			
Upah buruh langsung		<u>16 880</u>	1
Kos Prima		<u>103 000</u>	1+w
Kos Overhed			
Upah buruh tak langsung	12 800		
Insurans	2 250		1+1of
Sewa dan kadar bayaran	26 784		1
Belanja penyelenggaraan kilang	1 440		
Alat-alat kecil	1 415		1
Susut nilai mesin	2 160		1
Belanja am	1 790		
Gaji pengurus kilang	<u>33 961</u>		
		<u>82 600</u>	1of
		185 600	
Tambah: Kerja dalam proses awal**		<u>10 270</u>	
		195 870	
Tolak: Kerja dalam proses akhir**		(9 870)	**1fb
Kos pengeluaran		<u><u>186 000</u></u>	1+w

Nota

- (1) Angkutan masuk = RM1 800 - RM450 = RM1 350
- (2) Insurans = (RM3 360 - RM 360) x 75% = RM2 250
- (3) Sewa dan kadar bayaran = RM44 640 x 60% = RM26 784
- (4) Alat-alat kecil = RM560 + RM1 620 - RM765 = RM1 415
- (5) Susut nilai mesin = (RM60 000 - RM24 000) x 10% x 60% = RM2 160

[13 markah]

(b)

Kilang Beg Kulit Leena
Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 April 2023

	RM	RM	
Jualan		199 820	1
Tolak: Kos Jualan			
Inventori awal Barang siap	6 980		
Kos pengeluaran	<u>186 000</u>		1
	192 980		
Tolak: Inventori akhir Barang siap	<u>11 340</u>		
Kos Jualan		<u>(181 640)</u>	1+w
Untung kasar		<u>18 180</u>	1+w
			[4 markah]

- (c) (i) Kos berubah seunit = $\frac{\text{Jumlah kos berubah}}{\text{Unit pengeluaran}}$ or 1
 $= \frac{\text{RM103 000}}{500}$ or 1
 $= \text{RM206}$ 2
[2 markah]
- (ii) Kos tetap = kos overhed 2
 $= \text{RM82 600}$ [2 markah]
- (iii) Titik pulang modal = $\frac{\text{Kos tetap}}{\text{Margin caruman seunit}}$ or 1
 $= \frac{\text{RM82 600}}{(\text{RM406} - \text{RM206})}$ or 1
 $= 413 \text{ unit}$ 2
[2 markah]
- (iv) Sasaran untung = (unit x margin caruman seunit) - Kos tetap or 1
 $= (450 \times \text{RM200}) - \text{RM82 600}$ or 1
 $= \text{RM7 400}$ 2
[2 markah]

4

Belanjawan Tunai bagi 3 bulan berakhir 30 September 2023

Butir	Julai		Ogos		Sept	
	RM		RM		RM	
Baki b/b	28 280	1	33 730		63 100	
Penerimaan:						
Jualan	15 000	1	16 500	1	20 625	1
Akaun Belum Terima	8 500	1	10 000	1	11 000	1
Pinjaman			24 000	1		
	23 500		50 500		31 625	
Pembayaran:						
Belian	9 240	1	10 920	1	12 900	1
Akaun Belum Bayar	4 000	1	4 800	1	6 160	1
Ansuran dan faedah pinjaman					520	1
Gaji pekerja	3 000		3 600	1	5 200	1
Sewa	1 000		1 000		1 000	
Kadar bayaran	560		560		560	1fa
Belanja am	250		250		250	
	18 050		21 130		26 590	
Lebihan / (Kurangan)	5 450		29 370		5 035	1of fa
Baki h/b	33 730		63 100		68 135	1

[20 markah]

5 (a)

Akaun Realisasi

	RM		RM	
Premis	85 000	Bank	129 000	1
Kenderaan	55 500	Bank	8 856	1
Inventori	10 220	Akaun Belum Bayar	1 500	1
Akaun Belum Terima	9 840	Modal Karim	17 103	1 + 1of
Modal Gopal	1 250	Modal Gopal	5 701	
Bank	350			
	<u>162 160</u>		<u>162 160</u>	

[7 markah]

(b)

Akaun Modal Pekongsi

	Karim RM	Gopal RM		Karim RM	Gopal RM	
Akaun Semasa		*1 000		60 000	30 000	
Realisasi	17 103	5 701	1of fb	*480		*1fb
Bank	73 377	24 549	1+1of	30 000		1
					1 250	1
	<u>90 480</u>	<u>31 250</u>		<u>90 480</u>	<u>31 250</u>	

[6 markah]

(c)

Akaun Bank

	RM		RM	
Baki b/b	2 920	Akaun Belum Bayar	22 500	1
Realisasi	129 000	Pinjaman	20 000	1
Realisasi	8 856	Realisasi	350	1
		Modal Karim	73 377	1+1of
		Modal Gopal	24 549	
	<u>140 776</u>		<u>140 776</u>	

[7 markah]

6 (a)

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Bank	Tarikh	Butir	Bank
2023		RM	2023		RM
Mac 31	Dividen	3 600	Mac 31	Baki b/b	2 690
	Perniagaan Suria	90		Buku Cek	30
	(Kesilapan)			Perniagaan Barvany	
	Baki h/b	*13 930		(Cek tak laku)	4 860
				Insurans	7 200
				Arena Trading	2 680
				(Kesilapan)	
				Bayaran Perkhidmatan	160
		<u>17 620</u>			<u>17 620</u>
			April 1	Baki b/b	*13 930

[8 markah]

(b)

Perniagaan Zariani**Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2023**

	RM	RM
Baki Kredit di Buku Tunai		(13 930) 1of+w
Tambah: Cek Belum Dikemukakan :		
	No. Cek	
Sewa premis	455620 5 280 1	
Pembekal Khairul	455621 21 560 1	
Perniagaan Meh Wa	455622 11 720 1	
		<u>38 560</u>
		24 630 1
Tolak: Deposit Belum Dikreditkan		
Maria Enterprise	9 000 1	
Perniagaan Fina	6 400 1	
Vivy Enterprise	900 1	
Perniagaan Sharifah	3 000 1	
		<u>(19 300)</u>
Baki Kredit di Penyata Bank		<u>5 330 1+w</u>

[10 markah]

(c) Tujuan Penyediaan Penyata Penyesuaian Bank:

- Menyelaraskan baki Akaun Bank di Buku Tunai dengan baki di Penyata Bank 1
- Mengenal pasti butiran yang menyebabkan berlakunya perbezaan antara baki Akaun Bank di Buku Tunai dengan baki di Penyata Bank 1
- Mengenal pasti ketepatan catatan di Buku Tunai 1

(mana-mana dua daripada jawapan di atas)

[2 markah]

SKEMA PEMARKAHAN TAMAT

**JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)
ARAS TINGGI
PRINSIP PERAKAUNAN KERTAS 1**

TAJUK / KONSTRUK	BAHAGIAN A									ARAS SOALAN	JUMLAH	JUMLAH MARKAH	BAHAGIAN B					
	PENGETAHUAN												KEMAHIRAN					
	P 0 1	P 0 2	P 0 3	P 0 4	P 0 5	P 0 6	P 0 7	P 0 8	P 0 9				C 0 1	A 0 1	N 0 1	V 0 1	T 0 1	
1	Pengenalan Kepada Perakaunan																	
1.1	Perakaunan, sub bidang perakaunan, kerjaya dan badan profesional									/	T	1	0.5					
1.4	Andaian, Prinsip dan Batasan dalam perakaunan									/	T	1	0.5					
2	Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan																	
2.1	Komponen Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan									/	T	1	0.5					
2.3	Persamaan Perakaunan									/	T	2	1		/			
3	Dokumen Perniagaan sebagai Sumber Maklumat																	
3.2	Dokumen Sumber									/	T	2	1					

TAJUK / KONSTRUK	BAHAGIAN A									ARAS SOALAN	JUMLAH	JUMLAH MARKAH	BAHAGIAN B				
	PENGETAHUAN												KEMAHIRAN				
	P	P	P	P	P	P	P	P	P				C	A	N	V	T
	0	0	0	0	0	0	0	0	0				0	0	0	0	0
1	2	3	4	5	6	7	8	9	1	1	1	1	1				
4	Buku Catatan Pertama																
4.2	Jurnal Am	/								T	1	0.5					
4.4	Buku Tunai	/								T	1	0.5					
4.5	Buku Tunai Runcit							/		T	1	0.5					
5	Lejar																
5.3	Akaun Kawalan	/						/		T	2	1					
6	Imbangan Duga																
6.2	Hubungan antara Imbangan Duga, Inventori Akhir dan Penyata Kewangan							/		T	1	0.5					
7	Penyata Kewangan Milikan Tunggal Tanpa Pelarasan																
7.2	Penyata Kedudukan Kewangan							/		T	1	0.5					
7.3	Penutupan akaun hasil, akaun belanja dan akaun inventori pada akhir tempoh kewangan	/								T	1	0.5					

TAJUK / KONSTRUK	BAHAGIAN A									ARAS SOALAN	JUMLAH	JUMLAH MARKAH	BAHAGIAN B				
	PENGETAHUAN												KEMAHIRAN				
	P	P	P	P	P	P	P	P	P				C	A	N	V	T
	0	0	0	0	0	0	0	0	0				1	1	1	1	1
8	Pelarasan pada Tarikh Imbangan dan Penyediaan Penyata Kewangan Milikan Tunggal																
8.2	Pelarasan akaun nominal									T	1	0.5		/			
8.3	Hutang Lapuk, Hutang Lapuk Terpuh dan Peruntukan Hutang Ragu									T	1	0.5		/			
8.4	Susut Nilai dan Susut Nilai Berkumpul									T	2	1		/		/	
8.6	Imbangan Duga Terselaras									T	1	0.5				/	
9	Pembetulan Kesilapan																
9.2	Penyata Kewangan selepas pembetulan kesilapan									/	T	1	0.5				
10	Analisis dan Tafsiran Penyata Kewangan untuk Membuat Keputusan																
10.1	Analisis Penyata Kewangan dan Perbandingan Prestasi									//	T	2	1				
11	Rekod Tak Lengkap																
11.3	Kaedah Analisis									//	T	2	1				
12	Perakaunan untuk Kawalan Dalaman																
12.2	Penyata Penyesuaian Bank									/	T	1	0.5				
12.3	Belanjawan Tunai									//	T	2	1				

TAJUK / KONSTRUK	BAHAGIAN A									ARAS SOALAN	JUMLAH	JUMLAH MARKAH	BAHAGIAN B							
	PENGETAHUAN												KEMAHIRAN							
	P 0 1	P 0 2	P 0 3	P 0 4	P 0 5	P 0 6	P 0 7	P 0 8	P 0 9				C 0 1	A 0 1	N 0 1	V 0 1	T 0 1			
13	Perakaunan untuk Perkongsian																			
13.3	Ekuti Pemilik dan Penyata Kewangan Perkongsian	/									T	1	0.5							
13.4	Pembubaran Perkongsian	/						/			T	2	1							
14	Perakaunan untuk Syarikat Berhad Menurut Syer																			
14.2	Jenis modal dan terbitan syer										T	1	0.5	/						
14.4	Dividen tunai	/						/			T	2	1							
15	Perakaunan untuk Kelab dan Persatuan																			
15.3	Akaun Yuran Ahli										T	1	0.5		/					
15.4	Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan	/									T	1	0.5							
15.5	Penyata Kedudukan Kewangan Kelab dan Persatuan										T	1	0.5		/					
16	Perakaunan Kos																			
16.3	Analisis Titik Pulang Modal	/						//			T	3	1.5							
JUMLAH		0	9	0	0	2	0	0	1	8	2	40	20	1	6	0	2	0	0	

**JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)
ARAS TINGGI
PRINSIP PERAKAUNAN KERTAS 2**

TAJUK / KONSTRUK	BAHAGIAN A									ARAS SOALAN	JUMLAH	JUMLAH MARKAH	BAHAGIAN B				
	PENGETAHUAN												KEMAHIRAN				
	P 0 1	P 0 2	P 0 3	P 0 4	P 0 5	P 0 6	P 0 7	P 0 8	P 0 9				C 0 1	A 0 1	N 0 1	V 0 1	T 0 1
1	Pengenalan Kepada Perakaunan																
1.4	Andaian, Prinsip dan Batasan dalam perakaunan									T	0.2	2					
3	Dokumen Perniagaan sebagai Sumber Maklumat																
3.2	Dokumen Sumber									T	0.2	2					
6	Imbangan Duga																
6.2	Hubungan antara Imbangan Duga, Inventori Akhir dan Penyata Kewangan									T	0.2	2	/				
10	Analisis dan Tafsiran Penyata Kewangan untuk Membuat Keputusan																
10.1	Analisis Penyata Kewangan dan Perbandingan Prestasi									T	0.2	2					
11	Rekod Tak Lengkap																
11.3	Kaedah Analisis									T	1	25			/		
12	Perakaunan untuk Kawalan Dalam																
12.2	Penyata Penyesuaian Bank									T	1	20	/		/	/	
12.3	Belanjawan Tunai									T	1	20	/				

TAJUK / KONSTRUK	BAHAGIAN A									ARAS SOALAN	JUMLAH	JUMLAH MARKAH	BAHAGIAN B							
	PENGETAHUAN												KEMAHIRAN							
	P 0 1	P 0 2	P 0 3	P 0 4	P 0 5	P 0 6	P 0 7	P 0 8	P 0 9				C 0 1	A 0 1	N 0 1	V 0 1	T 0 1			
13	Perakaunan untuk Perkongsian																			
	13.4	Pembubaran Perkongsian																		
14	Perakaunan untuk Syarikat Berhad Menurut Syer																			
	14.4	Dividen tunai																		
16	Perakaunan Kos																			
	16.2	Akaun Pengeluaran																		
	16.3	Analisis Titik Pulang Modal																		
JUMLAH											6	120								